

JURNAL PENTADBIRAN TANAH

JLD. 5 BIL. 1 2015

ISSN 2231-9190

Sekapur sirih	i
Adakah Pendaftaran Segala-galanya? <i>Azizi Zakaria</i>	1
Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara – Apakah Yang Diperlukan <i>Norfaizah Omar</i>	31
Latest Amendment To Strata Titles Act 1985: Delivery Of Vacant Possession With Strata Titles <i>Sharifah Khadijah Tuan Hadi</i>	41
Issuance Of Strata Titles To Special Buildings: Pilot Project In The Federal Territory Of Kuala Lumpur <i>Sharifah Khadijah Tuan Hadi, Nur Azwani Hasleem Harun, Khaizurul Ezwan Baharuddin, Saiful Bahari Mohd Salleh, Mohd Bakri Che Bakar</i>	61
Menanggapi Peranan Pentadbiran Tanah Terhadap Senario Jaminan Makanan: Satu Tinjauan Ringkas Di Malaysia <i>Muhammad Uzair Azizan, Khadijah Hussin</i>	73
Penggunaan Aplikasi Sistem Penentuan Tanah Untuk Kesesuaian Kawasan Penempatan Pasca Bencana Tsunami Di Banda Aceh, Indonesia <i>Muhammad Rusdi, Ruhizal Roosli, Mohd Sanusi S. Ahamad</i>	89
Case Note On Land Acquisition <i>Abdul Aziz Mohd Johdi</i>	111

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Dato' Dr. Sallehuddin Bin Ishak
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

PENASIHAT

Dato' Haron Bin Haji Abdul Kader
Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Kemajuan Pengurusan & Perundangan)

Abdul Wahid Bin Abu Salim
Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Penyelarasan & Operasi)

PENASIHAT EDITORIAL

Profesor Dr. Ainul Jaria Binti Maidin
Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Profesor Madya Dr. Ismail Bin Omar
Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia

Dr. Jady @ Zaidi Bin Hashim
Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

KETUA EDITOR

Abdul Aziz Bin Mohd Johdi
Pengarah Bahagian Dasar dan Konsultasi

PASUKAN EDITORIAL

Shamsul Arshad Bin Abd Razak
Nordarlina Binti Abdul Rahim
Nur Syazana Binti Jaafar Sidek
Bahagian Dasar dan Konsultasi

PENERBITAN

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Sidang Editorial Jurnal Pentadbiran Tanah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG).

SEKAPUR SIRIH

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Jilid Kelima Jurnal Pentadbiran Tanah ini berjaya diterbitkan.

Firman Allah bermaksud: “Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Mulia yang mengajar (manusia) dengan pena dan tulisan. Dia yang mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.” (Surah al’Alaq:1-5)

Ilmu dalam bidang pengurusan tanah adalah penting untuk dipelajari terutamanya bagi pegawai yang menguruskan hal ehwal pentadbiran tanah. Ia merupakan amanah Negara lebih-lebih lagi Kerajaan menjamin pemilikan berdasarkan hakmilik yang dikeluarkan. Saya percaya dengan penerbitan Jurnal Pentadbiran Tanah ini akan dapat memperluaskan lagi bahan bacaan sebagai rujukan bukan sahaja bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran tanah malah kepada sesiapa sahaja yang berminat.

Penerbitan jurnal ini merupakan satu wahana bagi perkongsian pengalaman yang berharga yang digarap melalui penulisan oleh pegawai-pegawai yang sedang atau pernah terlibat secara langsung dalam bidang pengurusan dan pentadbiran tanah. Di samping itu, terdapat juga penulisan oleh para penyelidik di rantau ini. Artikel-artikel yang terpilih dalam jurnal ini sesuai untuk dijadikan panduan dan rujukan yang bermanfaat dalam usaha meningkatkan ilmu berkaitan pengurusan tanah lebih-lebih lagi bagi pegawai-pegawai muda.

Akhir kata, semoga penghasilan jurnal ini dapat mencetuskan minat kepada lebih ramai penulis untuk menyumbangkan buah fikiran yang bernalas hasil pengalaman yang luas dalam bidang ini yang boleh dikongsi bersama.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Sallehuddin Bin Ishak

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

ADAKAH PENDAFTARAN SEGALA-GALANYA?

AZIZI BIN ZAKARIA¹

ABSTRAK

“Daftar adalah segala-galanya” merupakan penghakiman dalam kes Teh Bee Iwn. K. Maruthamuthu. Melalui kes tersebut, hakmilik telah didaftarkan atas nama perayu dan dengan itu urusan pemberimilikan tanah tersebut telah sempurna, muktamad dan berkuatkuasa. Mana-mana pihak (dalam kes ini responden) yang mempertikaikan keesahan pemberimilikan dan kemuktamadan daftar (dokumen hakmilik) itu, telah terhalang dan tidak relevan, kecuali mempunyai asas yang kukuh bagi mencabarnya. Ungkapan “daftar adalah segala-galanya” membawa maksud kemuktamadan dan ketentuan daftar (dokumen hakmilik) itu, yang mengesahkan hak ketuanpunyaan, maklumat-maklumat tanah dan urusan-urusan yang telah dijalankan berkaitan dengan hakmilik tersebut. Daftar (dokumen hakmilik) juga menjadi sumber maklumat dan rujukan atas sifatnya sebagai dokumen keterangan yang muktamad. “Daftar adalah segala-galanya” amat berkait rapat dengan konsep pendaftaran, kerana ianya merupakan teras dan asas kepada sistem Torrens. Melalui pendaftaran, maka lahirlah daftar (dokumen hakmilik), dan pendaftaran urusan-urusan tanah yang berkaitan dengannya. Apabila pendaftaran itu telah dilaksanakan dengan sempurna, maka lahirlah konsep “hakmilik dan kepentingan yang tidak boleh disangkal” sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 340(1) Kanun Tanah Negara, yang akhirnya mewujudkan apa yang dipanggil “daftar adalah segala-galanya”. Persoalannya, sejauh manakah prinsip “daftar adalah segala-galanya” itu diaplifikasi dan dikuatkuasakan dalam pengurusan dan perundangan tanah di negara ini yang mengamalkan sistem Torrens. Persoalan ini menjadi fokus utama dalam penulisan ini.

ABSTRACT

“Register is everything” is the judgement of the court in Teh Bee v. K. Maruthamuthu. In this case, title had been registered under the name of the appellant and with that, matters pertaining to the land alienation was complete, definitive and effective. Parties (in this case, the respondent) who had any dispute against the validity of the alienation and the definitive of the register (documents of title), are restrained and irrelevant, unless they have a strong case to state otherwise. The expression “register is everything” connotes the finality of the provision of register (documents of title) which validates the rights

¹ Azizi Zakaria merupakan mantan Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

of ownership, land information and matters which had been carried out pertaining to the title. Register (documents of title) also becomes the source of information and reference by virtue of its conclusiveness. “Register is everything” is closely related to the concept of registration, because it is the core and basis of the Torrens system. Through registration, the register (documents of title), and the registration of related matters pertaining to the land is established. When the registration is completely carried out, the concept of “indefeasible title or interest” is formed as stated under section 340(1) National Land Code, which lead to what is known as “register is everything”. The question is, under the Torrens system in Malaysia, to what extent does “register is everything” is applied and enforced in the management and regulations of land. This issue is the main focus in this writing.

I. PENDAHULUAN

a. Kemasukan Sistem Torrens dan Kewujudan Kanun Tanah Negara 1965

Ditinjau dari sudut sejarah, sistem Torrens telah diperkenalkan oleh Sir Robert Richard Torrens pada tahun 1858 di Selatan Australia dengan mengambil model daripada sistem perundangan “The Merchant Shipping Act Of 1854” dan “Admiralty Rules”², di Australia Selatan, dan dikuatkuasakan melalui “The Real Property Act 1857 (South Australia)”³. Sistem Torrens mula diperkenalkan di Negeri-negeri Melayu (Negeri-negeri Melayu Bersekutu) selepas kemasukan dan campur tangan Inggeris pada tahun 1874, iaitu setelah termeterainya Perjanjian Pangkor di Negeri Perak pada 20.1.1874. Dengan kemasukan dan campur tangan Inggeris di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 1874, maka pihak Inggeris telah memperkenalkan sistem Residen, yang berfungsi sebagai penasihat kepada Sultan di Negeri-negeri Melayu tersebut. Salah satu strategi bagi tujuan memantapkan kedudukan ekonomi Inggeris di Negeri-negeri Melayu, maka pihak Inggeris mendapatkan sistem perundangan dan pentadbiran tanah di Negeri-negeri Melayu tersebut perlu diperkemaskan dan diseragamkan. Dengan hasrat tersebut, maka pihak Inggeris telah membawa masuk sistem Torrens untuk dilaksanakan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu melalui penggubalan beberapa peraturan dan perundangan tanah.

Sebelum sistem Torrens diperkenalkan, di Negeri-negeri Melayu ketika itu telah mengamalkan sistem perundangan tanah berdasarkan adat Melayu dan

² Ainul Jaria Maidin, Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader, Bashiran Begum, Fauziah Md Noor, Nor Asiah Mohamed, Azlinor Suffian dan Ratna Aziz binti Rosli, Principles of Malaysian Land Law, LexisNexis, A Division of Reed Elsevier (Singapore) Pte. Ltd. 2008, m/s 41 dan S.K. Das, The Torrens System In Malaya, Malayan Law Journal Ltd, Singapore, 1963, m/s 25.

³ ibid, m/s 42 (Principles of Malaysian Land Law).

undang-undang Islam⁴. Secara umumnya, di peringkat awal sistem Torrens diperkenalkan dan dilaksanakan di Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, telah digubal dan dikuatkuasakan beberapa perundangan dan peraturan seperti “the General Land Regulations 1879 of Perak”, “the General Land Regulations 1882 of Selangor”, “the General Land Regulations 1887 of Negeri Sembilan” dan “the General Land Regulations II of 1889 of Pahang”⁵. Kemudiannya diikuti dengan penggubalan dan pelaksanaan “the Selangor Registration of Titles Regulation 1891 (No. 4)”, “the Perak Registration of Titles Enactment 1897 (No. 18)”, “the Negeri Sembilan Registration of Titles Enactment 1898 (No. 3)” dan “the Pahang Registration of Titles Enactment 1897 (No. 29)”. Dengan wujud dan berkuatkuasanya perundangan dan peraturan-peraturan tanah tersebut, maka sistem pentadbiran dan perundangan tanah di Negeri-negeri Melayu berkenaan telah mula menggunakan sistem Torrens. Berikutnya, perundangan dan peraturan-peraturan tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dalam dua (2) bentuk perundangan sahaja bagi empat (4) buah negeri tersebut selepas termeternya Persetiaan Persekutuan 1895 (Treaty of Federation 1895) iaitu dengan pewujudan “the Federated Malay States Land Enactment of 1911” dan “the Federated Malay States Registration of Titles Enactment of 1911”⁶. Kedua-dua perundangan ini terus berkuatkuasa sehingga ianya dimansuhkan bagi mewujudkan sebuah perundangan tanah yang seragam yang dinamakan “the Federated Malay States Land Code of 1926”, yang mula berkuatkuasa pada 1.1.1928, yang kemudiannya dikenali juga sebagai “the Federated Malay States Land Code of 1928 (Cap. 138 of Revised Laws 1935)”⁷.

Ke arah pewujudan sebuah perundangan tanah yang lebih seragam dan utama bagi Semenanjung Tanah Melayu yang Merdeka, maka “the Federated Malay States Land Code of 1928” telah dijadikan model bagi menggubal dan mewujudkan “National Land Code” baru untuk sembilan (9) buah Negeri-negeri Melayu dan dua (2) buah negeri lagi iaitu Pulau Pinang dan Melaka (dahulunya sebagai Negeri-negeri Selat)⁹. Bagi tujuan pemansuhan dan penyerapan sistem surat ikatan Inggeris (the English deeds system) di Negeri Pulau Pinang dan Melaka kepada sistem Torrens, maka Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, telah digubal. Akhirnya,

⁴ Salleh Buang, Malaysian Torrens System (Second Edition), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007, m/s 8.

⁵ Teo Keang Sood and Khaw Lake Tee, Land Law In Malaysia, Cases and Commentary, Third Edition, LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, 2012, m/s 1-2.

⁶ ibid, m/s 2.

⁷ ibid, m/s 2. Lihat juga “Principles of Malaysian Land Law” di m/s 44, dan Salleh Buang, Malaysian Torrens System (Second Edition), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007, di m/s 8 – 9.

⁸ ibid, m/s 2 (Land Law In Malaysia, Cases and Commentary). Lihat juga Salleh Buang, Malaysian Torrens System (Second Edition), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007, m/s 10 dan “Principles of Malaysian Land Law”, m/s 44 – 45.

⁹ Salleh Buang, Malaysian Torrens System (Second Edition), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007, m/s 12.

pada tahun 1965, Kanun Tanah Negara 1965 telah digubal dan mula berkuatkuasa pada 1.1.1966 bersekali dengan Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 bagi kesebelas (11) buah negeri di Semenanjung Malaysia yang menggunakan sistem Torrens.

b. Ungkapan “Register Is Everything” Atau “Daftar Adalah Segala-Galanya”

Ungkapan “register is everything” atau “daftar adalah segala-galanya” merupakan petikan kata-kata Pemangku Hakim Besar Ali semasa penghakimannya dalam kes *Teh Bee v. K. Maruthamuthu* seperti berikut:-

“**Under the Torrens System the register is everything** and it would be wrong to allow an investigation as to the right of the person to appear upon the register when he holds the certificate of title”¹⁰. Seterusnya dalam kes tersebut hakim berkenaan juga menyatakan, “There is also another much more important reason why this appeal should be allowed. Under the Torrens System **the register is everything**. So said S.K. Das on page 102 of his book on the Torrens System in Malaya”.¹¹

Sebenarnya ungkapan tersebut merupakan petikan atau pengulangan kata-kata daripada Hakim Edwards semasa membuat penghakimannya dalam kes di New Zealand iaitu *Fels and Another v. Knowles and Another*, yang telah menyatakan seperti berikut:

“The cardinal principle of the statute is that **the register is everything**, and that, except in cases of actual fraud on the part of the person dealing with the registered proprietor, such person, upon registration of the title under which he takes from the registered proprietor, has an indefeasible title against all the world”.¹²

II. LATAR BELAKANG DAN FAKTA KES TEH BEE V. K. MARUTHAMUTHU

Bagi membincangkan tajuk penulisan ini, maka ada kewajarannya untuk meneliti dengan lebih mendalam kes *Teh Bee v. K. Maruthamuthu*.

Perayu merupakan tuan punya tanah yang telah didaftarkan di bawah hakmilik H.S.(D) 1089, PT No. 7, Daerah Seremban, pada 24.1.1968. Sebagai tuan punya tanah, beliau tidak dapat menduduki dan menggunakan tanah

¹⁰ *Teh Bee v K Maruthamuthu* [1977] 2 MLJ 7.

¹¹ ibid, m/s 12.

¹² *Fels v. Knowles*, (1906) 26 NZLR, m/s 604 dan 620. Lihat juga Salleh Buang, Malaysian Torrens System (Second Edition), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007, m/s 171 dan 184.

tersebut kerana telah diduduki dan diusahakan oleh responden. Sebelum tanah tersebut diluluskan pemberimilikannya kepada perayu, tanah berkenaan telah diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada responden, yang berkuatkuasa dari 19.6.1954 sehingga akhir tahun 1967. Responden mendakwa bahawa perayu telah memperolehi dan didaftarkan sebagai tuan punya tanah itu secara tidak sah kerana semasa perayu membuat pembayaran sebagaimana dinyatakan dalam Borang 5A Kanun Tanah Negara (KTN) (RM4,327.50), kelulusan pemberimilikan tanah itu telah luput dan terbatal. Perayu telah membuat pembayaran hanya selepas hampir 8 bulan dari tarikh akhir kuatkuasanya tempoh pembayaran tersebut.

Semasa kes ini dirujuk ke Mahkamah Tinggi, Hakim Ajaib Singh telah memutuskan bahawa pendaftaran hakmilik berkenaan adalah tidak sah dan terbatal, kerana kelulusan pemberimilikannya telah luput dan tidak berkuatkuasa lagi. Dengan itu tindakan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) yang meluluskan pemberimilikan tanah tersebut dikategorikan sebagai “ultra vires”. Berikutan dengan keputusan Mahkamah Tinggi itu, maka perayu telah membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan supaya tanahnya itu dikosongkan (secara pemilikan kosong) oleh responden bagi membolehkannya menduduki dan mengusahakan tanah tersebut. Hujah perayu, ia adalah tuan punya tanah berdaftar yang sah dan hakmiliknya telah pun didaftar dan dikeluarkan kepadanya. Dengan itu, responden telah menduduki dan mengusahakan tanah tersebut secara tidak sah yang dikategorikan sebagai penceroboh (*trespasser*). Apabila dirayu, Mahkamah Persekutuan telah membenarkan rayuan dan memutuskan seperti yang berikut:

- “(1) the fact that the appellant was registered as proprietress necessarily raised the inference that the State Authority on payment of the premium had given fresh approval for the alienation of the land to her;
- (2) the fact that the register document of title was in the name of the appellant was conclusive evidence that the title to the land was vested in the appellant;
- (3) under the Torrens System the register is everything** and it would be wrong to allow an investigation as to the right of the person to appear upon the register when he holds the certificate of title.”¹³

Rumusan Kes

- i. Kes ini berkaitan dengan isu pemberimilikan tanah kerajaan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada perayu. Dari segi faktanya, perayu telah didaftarkan sebagai tuan punya tanah dan telah memperolehi hakmilik tanah tersebut. Dengan itu, apabila bayaran premium yang telah

¹³ *Teh Bee v K Maruthamuthu* [1977] 2 MLJ 7.

dijelaskan oleh perayu dan diikuti dengan tindakan pendaftaran hakmiliknya, maka suatu rumusan penting yang boleh dibuat bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah memberikan kelulusan pemberimilikan baru kepada perayu. Justeru itu, tidak timbul bantahan dan hujah yang menyatakan kelulusan pemberimilikan tanah tersebut telah terbatal dan tidak berkuatkuasa lagi.

- ii. Atas hakikat bahawa nama perayu telah didaftarkan dalam hakmilik tersebut, ianya telah menjadi suatu keterangan muktamad (conclusive evidence) bahawa tanah berkenaan telah terletak hak kepada perayu sebagai tuan punya tanah yang sah. Dengan itu juga, status tanah berkenaan telah berubah daripada tanah kerajaan kepada tanah milik. Perkara ini selaras dengan konsep hakmilik yang tidak boleh disangkal sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 340(1) KTN, kecuali ada faktor-faktor yang boleh mencabarnya seperti dinyatakan di bawah seksyen 340(2) dan (3) KTN.
- iii. Melalui kes ini Mahkamah Persekutuan telah menyatakan bahawa “Register is Everything”, yang membawa maksud daftar (dokumen hakmilik) adalah segala-galanya. Dengan itu, apabila sesuatu hakmilik telah didaftarkan, maka urusan pemberimilikan tanah itu telah menjadi muktamad dan berkuatkuasa. Apa-apa maklumat dan fakta yang terkandung dalam hakmilik tersebut adalah sah dan berkuatkuasa. Setelah hakmilik didaftarkan dengan nama tuan punya tanah telah tercatat dalamnya dan hakmilik itu telah dikeluarkan kepada perayu, maka dalam situasi sedemikian adalah tidak wajar untuk membenarkan mana-mana pihak untuk menyiasat atau mempertikaikan hak-hak pihak yang telah didaftarkan namanya dalam hakmilik berkenaan. Dengan menggalakkan atau membiarkan tindakan mempersoalkan hak-hak tuan punya tanah berdaftar itu, seolah-olah telah mempertikaikan keesahan pendaftaran hakmilik berkenaan dan sekaligus telah mencemarkan keutamaan dan kepentingan konsep pendaftaran di bawah sistem Torrens itu.

III. PRINSIP “DAFTAR ADALAH SEGALA-GALANYA” DAN APLIKASINYA

a. Pendaftaran Hakmilik Dalam Hubungannya Dengan Konsep Hakmilik Yang Tidak Boleh Disangkal dan Prinsip “Daftar Adalah Segala-galanya”

Keputusan kes *Teh Bee v. K. Maruthamuthu* tersebut telah memperlihatkan bahawa daftar (dokumen hakmilik) merupakan dokumen utama di bawah sistem Torrens yang diamalkan dalam sistem perundangan tanah di negara ini iaitu KTN. Kes ini telah membuktikan bahawa apabila hakmilik telah didaftarkan, maka ianya merupakan bukti (keterangan) yang muktamad

(conclusive evidence) bahawa pihak yang telah didaftarkan dalam hakmilik tersebut merupakan tuan punya tanah yang sah, selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 340(1) KTN, iaitu di bawah konsep hakmilik yang tidak boleh disangkal (*indefeasibility of title*). Istilah atau konsep hakmilik yang tidak boleh disangkal ini bermakna bahawa kerajaan memberi jaminan hakmilik seseorang pemilik tanah yang telah didaftarkan itu tidak boleh disoal, dicabar, disangkal atau dihilangkan. Dengan kata lain, konsep kemuktamadan dan ketentuan daftar (dokumen hakmilik) telah dipertahankan, dan ianya juga telah dinyatakan di bawah seksyen 85(1), seksyen 88(3), seksyen 89 dan seksyen 341 KTN. Kesimpulannya, apabila hakmilik telah didaftarkan dengan nama tuan punya tanah telah tercatat dalam hakmilik tersebut, maka tanah itu secara sah dan muktamad telah terletak hak dan menjadi hak kepunyaaan kepada tuan punya yang namanya didaftarkan dalam hakmilik tersebut. Justeru itu, hakmilik tersebut diklasifikasikan sebagai hakmilik yang tidak boleh disangkal sepermula dinyatakan di bawah seksyen 340(1) KTN, kecuali ada asas-asas yang tertentu bagi menyangkal keesahannya, sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 340(2) dan (3) KTN. Dengan itu dalam situasi sedemikian, maka prinsip “daftar adalah segala-galanya” adalah benar dilaksanakan di bawah KTN yang menggunakan sistem Torrens.

b. Kepentingan Pendaftaran Hakmilik Bagi Sesuatu Kelulusan Pemberimilikan Tanah

Di bawah seksyen 78(3) KTN, sesuatu kelulusan pemberimilikan tanah kerajaan hanya akan menjadi muktamad dan berkuatkuasa apabila hakmiliknya telah didaftarkan. Dengan kata lain, selagi hakmilik belum didaftarkan, maka status tanah itu masih lagi sebagai tanah kerajaan yang terletak hak di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Selaras dengan peruntukan tersebut, maka terdapat beberapa kes mahkamah yang telah mengesahkan perkara berkenaan seperti *North East Plantations Sdn. Bhd. lawan Pentadbir Tanah Daerah Dungun & Satu Lagi* dan juga *Piagamas Maju Sdn. Bhd. Lawan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor & Satu Lagi*. Melalui kes *North East Plantations Sdn. Bhd. lawan Pentadbir Tanah Daerah Dungun & Satu Lagi*,¹⁴ Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan sebanyak sebelas (11) lot tanah kerajaan dengan kluasan 10,000 ekar kepada perayu di kawasan Hutan Simpan Sungai Paka di Mukim Besol dan Mukim Hulu Paka, Daerah Dungun, Terengganu, bagi tujuan peladangan dan ternakan. Sebanyak tiga (3) lot telah didaftar dan dikeluarkan hakmilik kepada perayu. Pada 22.3.2004 perayu telah mengemukakan bayaran premium tanah untuk lapan (8) lot lagi sebanyak RM2,052,465.30. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri telah membuat keputusan menolak bayaran premium

¹⁴ *North East Plantations Sdn. Bhd lawan Pentadbir Tanah Daerah Dungun & Yang Lain* [2011] 4 CLJ 729.

tersebut dan seterusnya membatalkan kelulusan pemberimilikan tanah itu. Terkilan dengan keputusan itu, maka perayu telah memfailkan permohonan hingga ke Mahkamah Persekutuan. Seterusnya, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa permohonan tersebut ditolak dengan salah satu alasan utamanya adalah tanah tersebut masih lagi berstatus tanah kerajaan kerana hakmiliknya masih lagi belum didaftarkan, sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 78(3) KTN.

Begitu juga dengan kes *Piagamas Maju Sdn. Bhd. v. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor & Satu Lagi*,¹⁵ bayaran premium sejumlah RM7,419,087.00 yang telah dibayar oleh perayu telah dipulangkan semula berikutan dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri yang telah membatalkan kelulusan pemberimilikan tanah kerajaan tersebut kepada perayu. Perayu telah membawa kes tersebut ke Mahkamah Tinggi dan permohonan tersebut telah ditolak dengan alasan dokumen hakmilik bagi tanah tersebut masih belum didaftarkan dan dengan itu status tanah berkenaan masih kekal sebagai tanah kerajaan, selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 78(3) KTN.

Berdasarkan keputusan mahkamah bagi kedua-dua kes tersebut, jelas memperlihatkan bahawa daftar (dokumen hakmilik) merupakan dokumen yang amat penting bagi menentukan hak kepunyaan ke atas tanah kerajaan yang telah diluluskan pemberimilikannya oleh Pihak Berkuasa Negeri. Selagi daftar (dokumen hakmilik) belum didaftar dan dikeluarkan, maka tanah tersebut masih lagi berstatus tanah kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri masih mempunyai kuasa untuk menarik balik atau membatalkan kelulusan yang telah diberikan sebelumnya, walau pun bayaran premium akan atau telah dibuat pembayarannya oleh perayu. Maknanya, daftar (dokumen hakmilik) merupakan keterangan yang konklusif (*conclusive evidence*) bagi membuktikan hak kepunyaan sesuatu tanah itu kepada tuan punya tanah yang berdaftar. Apabila hakmilik telah didaftarkan, maka sesuatu kelulusan pemberimilikan tanah kerajaan itu telah menjadi muktamad dan berkuatkuasa. Dengan itu juga prinsip “daftar adalah segala-galanya” terpakai dan amat relevan dalam perkara ini.

¹⁵ *Piagamas Maju Sdn. Bhd lvn. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor & Satu Lagi* [2013] 2 CLJ 824.

c. Kepentingan Kes *Mohammad bin Buyong v. Pemungut Hasil Tanah Gombak & Ors Dengan Prinsip “Daftar Adalah Segala-galanya”***Latar Belakang dan Fakta Kes**

Melalui kes ini, perayu pada 14.8.1979 telah mengemukakan borang pindahmilik tanah (Borang 14A) kepada responden untuk pendaftaran. Pindahmilik tersebut melibatkan responden kedua sebagai salah seorang tuan punya tanah (12/19 syer), yang telah ditandangani oleh Misriah binti Amrin, yang mendakwa beliau sebagai pemegang surat kuasa wakil yang telah diberikan oleh responden kedua kepadanya. Manakala dalam borang tersebut perayu merupakan penerima pindahmilik bagi tanah kepunyaan responden kedua itu. Melalui salinan fotostat surat kuasa wakil yang dikemukakan itu tidak ada tandatangan daripada responden kedua sebagai bukti pemberian surat kuasa wakil itu kepada Misriah binti Amrin. Walau bagaimanapun, terdapat tandatangan Pesuruhjaya Sumpah Kuala Lumpur atas nama Sarathy sebagai saksi atas dokumen surat kuasa wakil itu. Semasa penyerahan suratcara dibuat, Borang 14A telah dikemukakan bersama-sama dengan salinan pejabat bagi surat kuasa wakil tersebut dan salinan dokumen hakmilik keluaran (bukan salinan asal), sebagaimana diperlukan di bawah seksyen 284 KTN. Pada 27.9.1979, perayu telah mengemukakan pengesahan melalui surat akuan yang menyatakan dokumen hakmilik keluaran asal tersebut telah hilang semasa dalam simpanannya dan telah membuat permohonan bagi pengeluaran dokumen hakmilik keluaran yang baru. Walau pun salinan hakmilik keluaran yang asal tidak dikemukakan, peserahan tersebut telah direkodkan dalam Buku Peserahan di pejabat tanah berkenaan. Seterusnya, memorial pindahmilik itu telah dimasukkan dalam hakmilik tersebut tanpa tandatangan Pemungut (Pendaftar).

Pada 20.11.1979, Pejabat Tanah Gombak telah menerima surat daripada responden kedua yang menyatakan ia tidak pernah melantik Misriah binti Amrin sebagai wakilnya dan surat kuasa wakil yang dikemukakan itu dianggapnya palsu dan tidak sah. Setelah menyemak dokumen-dokumen yang diserahkan itu dengan teliti, maka Pemungut Hasil Tanah Gombak mendapati suratcara tersebut tidak layak untuk didaftarkan dan telah menolak suratcara itu atas sebab-sebab berikut:

- a. Tiada dokumen hakmilik keluaran asal dikemukakan
- b. Surat kuasa wakil yang dikemukakan itu tidak ditandatangani oleh pemberi surat kuasa sebenar, menyebabkan dokumen tersebut tidak lengkap dan tidak sah.

Pada 4.1.1980, Pemungut telah menerima permohonan pindahmilik daripada responden kedua kepada responden kedua, responden ketiga dan

responden keempat, dan pindahmilik ini telah didaftarkan oleh Pemungut pada hari yang sama. Berikutan dengan pendaftaran pindahmilik ini, maka perayu telah membuat rayuan ke mahkamah di bawah seksyen 418 KTN bagi membantah keputusan yang telah dibuat oleh Pemungut itu dan mahkamah telah membuat keputusan seperti berikut:

- “(1) in this case although the instrument of transfer to the appellant had been presented and recorded in the Presentation Book, it had not been registered and therefore the appellant cannot claim indefeasibility under section 340 of the National Land Code since the facts revealed that there was no registration;
- (2) although there is no power of the Collector to alter or cancel a memorial, the entry in this case never acquired the sanctity of a memorial which under section 304(4) of the National Land Code was conclusive evidence of registration. Therefore it could properly be deleted or cancelled;
- (3) although technically the act of the Collector in registering the instrument of transfer to the 2nd, 3rd and 4th respondents would appear to be in breach of section 300 of the National Land Code, the words “shall not register” appearing in section 300(1)(a) of the Code are on the facts of this case merely directory and not mandatory and the apparent failure of the Collector to comply with the section did not invalidate the registration”.¹⁶

Melalui kes tersebut, mahkamah mendapati bahawa tindakan Pemungut Hasil Tanah Gombak telah mendaftarkan suratcara pindahmilik berkenaan adalah betul dan sah atas sebab-sebab berikut:

- a. keperluan untuk mematuhi kehendak seksyen 300(1)(a) KTN, iaitu **“shall not register”** bukanlah merupakan sesuatu yang “mandatory”, tetapi ianya hanya sebagai “directory”. Oleh itu, kegagalan Pemungut untuk memutuskan status memorial yang tercatat dalam hakmilik tersebut sama ada perlu didaftar, ditolak atau ditarik balik, tidak menjaskan tindakannya bagi mendaftar suratcara pindahmilik yang telah dikemukakan oleh responden kedua pada 4.1.1980;
- b. walaupun tidak mematuhi kehendak-kehendak seksyen 300(1)(a) KTN, ia tidak menjadikan pindahmilik yang didaftarkan itu menjadi tidak sah. Semasa Pemungut menerima peserahan pada 4.1.1980 itu, Pemungut telah pun menerima surat penafian daripada responden kedua yang menyatakan ia tidak pernah memberi surat kuasa wakil kepada mana-mana pihak. Dengan itu, suratcara yang telah diterima

¹⁶ *Mohammad bin Buyong v. Pemungut Hasil Tanah Gombak & Ors.* [1982] 2 MLJ 53.

oleh Pemungut pada 14.8.1979 itu dikategorikan tidak layak untuk didaftarkan.

Rumusan Kes

- i. Melalui kes ini memperlihatkan betapa pentingnya daftar (dokumen hakmilik) dan tindakan pendaftaran dalam sistem Torrens. Selagi suratcara dan memorial pindahmilik tidak didaftarkan dalam hakmilik tersebut, maka pihak berkenaan tidak layak dan tidak memperolehi apa-apa kepentingan berdaftar ke atas tanah itu. Dalam kes ini, perayu telah mengemukakan suratcara pindahmiliknya pada 14.8.1979, tetapi kerana suratcara tersebut belum dan tidak layak untuk didaftarkan, maka pindahmilik tersebut telah ditolak dan tidak berkuatkuasa. Walau pun dalam hakmilik berkenaan telah terdapat memorial pindahmilik tetapi ianya belum ditandatangani oleh Pemungut sebagai mengesahkan pendaftaran pindahmilik itu telah disempurnakan. Menurut KTN, suratcara yang diserahkan tetapi belum didaftarkan sebenarnya mengikut KTN, masih belum sah dan berkuatkuasa. Maklumat ini dan status tindakan pendaftaran tersebut boleh diperiksa dan diketahui dalam dokumen hakmilik berkenaan melalui memorial dan catatan-catatan yang terdapat dalam daftar (dokumen hakmilik) tersebut. Dengan itu daftar (dokumen hakmilik) menjadi sumber atau dokumen rujukan penting dan menjadi keterangan yang muktamad.
- ii. Sekiranya sesuatu suratcara tersebut telah didaftarkan, maka urusan tersebut telah sempurna dan berkuatkuasa sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 304(4) KTN. Dalam hal ini, suratcara pindahmilik yang dikemukakan oleh responden kedua adalah berkaitan. Melalui kes ini membuktikan bahawa konsep “daftar adalah segala-galanya” adalah benar kerana ia memperlihatkan dan mengesahkan antara urusan pindahmilik tanah yang telah didaftarkan, menjadi sah dan berkuatkuasa, dengan suratcara pindahmilik yang awal diserahkan tetapi belum didaftarkan, yang kemudiannya menjadi tidak sah dan tidak berkuatkuasa (atas beberapa faktor seperti dalam kes perayu). Prinsip “daftar adalah segala-galanya” ini amat berkait rapat dengan kepentingan tindakan pendaftaran sebagai asas di bawah sistem Torrens. Ia sekali lagi memperlihatkan bahawa daftar (dokumen hakmilik) menjadi dokumen rujukan utama dan segala urusan yang berkaitan serta statusnya boleh diperiksa melalui daftar tersebut.

d. Kepentingan Kes *Dr. Ti Teow Siew & Ors v. Pendaftar Geran-Geran Tanah Negeri Selangor Dalam Hubungannya Dengan Prinsip “Daftar Adalah Segala-galanya”*

Latar Belakang dan Fakta Kes

Pemohon 1 merupakan tuan punya tanah bagi hakmilik H.S.(D) 8502, PT No. 1, Mukim Petaling Jaya. Tanah ini hasil daripada kelulusan pemberimanilikan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada pemohon 1. Hakmiliknya telah didaftarkan pada 9.11.1967. Dalam hakmilik tersebut terdapat sekatan kepentingan yang berbunyi, **“The land hereby leased shall not be transferred or leased for a period of 15 years without the consent of the Ruler in Council”**. Manakala di muka surat 2 hakmilik berkenaan terdapat maklumat-maklumat berikut:

- “(1) Tarikh mula-mula diberimilik – 18.8.1964
- (2) No. hakmilik asal (tetap atau sementara) – Q.T.(R) 2742”

Pemohon 1 telah mengemukakan borang pindahmilik tanah (Borang 14A) bagi tujuan pindahmilik tanah tersebut kepada pemohon 2 dan 3. Pemohon 2 dan 3 pula telah menyempurnakan Borang 16A bagi tujuan menggadaikan tanah tersebut kepada syarikat kewangan. Kedua-dua suratcara tersebut (Borang 14A dan Borang 16A) telah diserahkan kepada responden bagi tujuan pendaftaran. Walau bagaimanapun, responden telah menolak pendaftaran suratcara tersebut atas alasan sekatan kepentingan bagi hakmilik berkenaan masih berkuatkuasa, iaitu sehingga 8.11.1982, dengan mengambilkira tarikh mula berkuatkuasa sekatan kepentingan tersebut pada 9.11.1967, iaitu daripada tarikh hakmilik itu didaftarkan. Manakala pemohon 1 pula berkefahaman bahawa tarikh mula berkuatkuasanya sekatan kepentingan itu pada 18.8.1964 (iaitu dari tarikh mula-mula tanah ini diberimilik) dan berakhir pada 17.8.1979, tanpa mengambilkira dari tarikh hakmilik itu didaftarkan.

Berikutan dengan keputusan responden menolak pendaftaran suratcara-suratcara tersebut, maka pemohon-pemohon telah membawa kes ini ke mahkamah bagi tujuan mengenepikan keputusan responden tersebut dan bagi mendapatkan pengisytiharan bahawa sekatan kepentingan dalam hakmilik tersebut berakhir pada 17.8.1979. Yang Arif Hakim Hashim Yeop A Sani telah membuat keputusan seperti yang berikut:

“The restriction in interest commenced from the date of registration of the register document of title, that is, November 9, 1967, and the respondent

was therefore correct in rejecting the documents presented for registration".¹⁷

Rumusan Kes

- i. Kes ini telah membuktikan kepentingan dan keutamaan "daftar" (dokumen hakmilik) dan konsep "pendaftaran" di bawah sistem Torrens. Maklumat dalam daftar (dokumen hakmilik) telah memperlihatkan dan mengesahkan bahawa hakmilik berkenaan telah didaftarkan pada 9.11.1979. Dengan itu pemberimilikan tanah ini dan hakmiliknya mula berkuatkuasa pada tarikh berkenaan, iaitu selaras dengan seksyen 78(3) KTN. Dengan itu juga membawa maksud bahawa sekatan kepentingan yang tercatat dalam hakmilik itu sekaligus mula berkuatkuasa dari tarikh tersebut, iaitu pada 9.11.1979 (tarikh hakmilik didaftarkan), dan bukannya dari tarikh 18.8.1964 sebagaimana didakwa oleh pemohon-pemohon. Keputusan mahkamah melalui kes ini juga telah memperkuatkan dan memperjelaskan lagi kepentingan daftar (dokumen hakmilik) dan konsep pendaftaran dalam sistem Torrens yang diamalkan di negara ini melalui undang-undang tanah utamanya iaitu Kanun Tanah Negara. Ini bermakna, melalui daftar (dokumen hakmilik) itu, maklumat yang tercatat dalamnya memperihalkan perkara-perkara penting berkaitan dengannya, yang perlu diakui kesahihan dan kemuktamadannya tanpa mempersoalkan keesahannya kerana ianya telah didaftarkan.
- ii. Manakala di bawah sistem Torrens tindakan pendaftaran yang dilaksanakan oleh Pendaftar adalah amat penting kerana sesuatu suratcara, memorial, kemasukan (*entry*) atau catatan (*notes*) yang terdapat dalam daftar (dokumen hakmilik) perlu ditandatangani atau diendors oleh Pendaftar supaya ianya menjadi sah dan berkuatkuasa, sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 304 KTN. Dalam kes ini penentuan tarikh hakmilik itu didaftarkan telah menjadi perkara pokok atau persoalan utama, dan kesilapan penafsiran mengenainya telah menyebabkan suratcara pindahmilik dan gadaian yang dikemukakan oleh perayu itu telah tidak dapat didaftarkan kerana ianya masih tertakluk kepada sekatan kepentingan yang masih berkuatkuasa.

e. Pendaftaran dan Pengeluaran Dua (2) Hakmilik Yang Melibatkan Lot Yang Sama

Melalui kes *Tan Chiw Thoo v. Tee Kim Kuay*,¹⁸ dua (2) hakmilik telah didaftar dan dikeluarkan yang melibatkan lot tanah yang sama. Hakmilik pertama, H.S.(M) 64, Lot 1898, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor, Selangor, yang

¹⁷ *Dr. Ti Teow Siew & Ors v. Pendaftar Geran-Geran Tanah Negeri Selangor* [1982] 1 MLJ 38.

¹⁸ *Tan Chiw Thoo v. Tee Kim Kuay* [1997] 2 MLJ 221.

telah dikeluarkan kepada responden pada September 1968. Manakala hakmilik kedua, iaitu H.S.(M) 426, Lot 1898, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor, Selangor, telah didaftar dan dikeluarkan kepada perayu (*appellant*) pada Disember 1972. Berkaitan dengan isu ini, mahkamah telah memutuskan bahawa hakmilik yang pertama itu adalah hakmilik yang sah kerana ianya telah didaftar dan dikeluarkan lebih awal dan tiada sebab-sebab yang boleh mencabar keesahan hakmilik berkenaan. Manakala hakmilik yang kedua pula telah diputuskan tidak sah (*void and a nullity*) atas faktor telah bersalah dengan perundangan tanah bagi meluluskan sesuatu pemberimilikan tanah kepada pihak yang lain bagi tanah yang sama iaitu Lot 1898 yang ketika itu bukan lagi berstatus sebagai tanah kerajaan tetapi ianya telah menjadi tanah milik.

Melalui kes ini sekali lagi memperlihatkan bahawa betapa pentingnya daftar (dokumen hakmilik) sebagai dokumen pembuktian (*conclusive evidence*) hak ketuanpunyaan (*proprietorship*) ke atas tanah berkenaan dan kepentingan konsep pendaftaran itu di bawah sistem Torrens yang diamalkan melalui perundangan tanah di negara ini. Dalam hubungan ini, kesempurnaan tindakan pendaftaran dan masa pendaftaran hakmilik itu amat penting yang telah dapat memisahkan antara hak kepunyaan responden atau perayu ke atas tanah tersebut. Bagaimanakah dan di manakah boleh diketahui bahawa hakmilik yang pertama itu (hak kepunyaan responden) telah didaftarkan lebih awal? Jawapannya adalah dengan merujuk kepada daftar (dokumen hakmilik) berkenaan. Dengan itu prinsip “daftar adalah segala-galanya” adalah terpakai, menjadi keutamaan dan ada kebenarannya.

f. Kepentingan Daftar (Dokumen Hakmilik) Dalam Hubungannya Dengan Isu Pencerobohan Ke Atas Tanah Kerajaan

Kegiatan dan isu-isu pencerobohan tanah kerajaan masih terus berlaku walau pun pelbagai langkah pencegahan dan penguatkuasaan mengenainya telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Walau pun pencerobohan ke atas tanah kerajaan telah dilakukan sekian lama oleh pihak yang berkaitan, dengan menduduki dan seterusnya menjalankan pelbagai aktiviti ke atas tanah berkenaan, namun tanah tersebut masih berstatus sebagai tanah kerajaan dan penceroboh dari segi perundangan tanah tidak mempunyai apa-apa hak dan kepentingan ke atasnya. Malahan seksyen 48 KTN telah tidak mengiktiraf konsep “*adverse possession*” iaitu penceroboh tidak boleh membuat tuntutan bahawa tanah itu menjadi hak kepunyaannya atas alasan telah lama mendudukinya. Manakala melalui kes *Sidek bin Haji Muhamad & 461 Ors v. The Government of The State of Perak & Ors*,¹⁹ telah diputuskan oleh mahkamah bahawa perayu-perayu merupakan setinggan dan

¹⁹ *Sidek bin Haji Muhamad & 461 Ors. v. The Government Of The State Of Perak & Ors* [1982] 1 MLJ 313.

mereka tidak mempunyai hak di bawah undang-undang dan juga ekuiti. Justeru itu, melalui kes ini perayu-perayu tidak mempunyai asas dan sebab-sebab yang kukuh untuk mengambil tindakan (*cause of action*) ke atas responden kerana tidak meluluskan pemberimilikan tanah kerajaan tersebut kepada mereka. Selagi hakmilik tidak didaftar dan dikeluarkan kepada mereka (perayu), maka tanah tersebut masih lagi sebagai tanah kerajaan dan perayu tidak mempunyai apa-apa hak dan kepentingan ke atas tanah kerajaan itu. Kes ini juga memperlihatkan kepentingan daftar (dokumen hakmilik) bagi menentukan hak ketuanpunyaan (*proprietorship*) seseorang ke atas tanah itu. Oleh kerana permohonan pemberimilikan tanah mereka tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (dengan itu juga hakmilik mengenainya tidak didaftar dan dikeluarkan), maka perayu-perayu tidak mempunyai apa-apa hak ke atas tanah itu walau pun telah meneroka dan berusaha sekian lama di atas tanah berkenaan.

Begitu juga dengan kes *Lebbey Sdn Bhd v. Chong Wooi Leong & Anor and Other Applications*,²⁰ iaitu defendant telah menceroboh dan menduduki atas tanah kerajaan dan telah membina rumah-rumah kediaman tanpa kebenaran. Berbagai kemudahan asas telah terdapat di kawasan penerokaan ini seperti bekalan elektrik dan air, jalan tar, klinik, masjid, dewan orang ramai dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah meluluskan pemberimilikan tanah bagi kawasan berkenaan kepada plaintif dan berikutannya hakmilik telah didaftar dan dikeluarkan kepadanya iaitu H.S.(D) 34221, PT 30186, Mukim Ampang, Daerah Ulu Langat. Dengan itu, plaintif merupakan tuan punya tanah yang berdaftar dan sah bagi tanah tersebut yang mempunyai hak-hak dan kepentingan tertentu. Oleh kerana plaintif bercadang untuk memajukan tanah tersebut dan tanah itu perlu dikosongkan, maka ia telah membawa kes ini ke mahkamah dan Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa defendant merupakan setinggan dan tidak mempunyai hak dan kepentingan ke atas tanah tersebut, walau pun telah menduduki dan mendiami di kawasan berkenaan sejak tahun 1981. Dengan itu defendant perlu mengosongkan kawasan berkenaan bagi membolehkan plaintif untuk mengambil alih kawasan tersebut bagi tujuan pembangunan yang hendak dilaksanakan di atas tanahnya itu. Dalam hubungan ini, telah membuktikan bahawa betapa pentingnya daftar (dokumen hakmilik) bagi menentukan hak kepunyaan seseorang ke atas tanah tersebut. Manakala bagi mereka yang menceroboh tanah kerajaan tetap dikategorikan sebagai setinggan dan tidak mempunyai apa-apa hak dan kepentingan ke atas tanah itu walau pun telah menduduki dan mendiaminya sekian lama. Isu yang sama juga berbangkit melalui kes *Government of the State of Negeri Sembilan & Anor. v. Yap Chong Lan & 12 Ors.; Lesco Development Corporation Sdn Bhd v. Yap*

²⁰ *Lebbey Sdn Bhd v Chong Wooi Leong & Anor and other applications* [1998] 5 MLJ 368.

*Chong Lan & 12 Ors.*²¹ dan mahkamah telah memutuskan bahawa Lesco Development Corporation Sdn. Bhd. yang telah diluluskan pemberimilikan tanah, di mana hakmilik telah didaftar serta dikeluarkan kepadanya sebagai tuan punya tanah yang sah. Melalui kes-kes di atas, sekali lagi memperlihatkan kepentingan prinsip “daftar adalah segala-galanya” di bawah sistem Torrens yang diamalkan di negara ini melalui KTN.

g. Daftar (Dokumen Hakmilik) Sebagai Rekod Segala Urusan Tanah

Daftar (dokumen hakmilik) di bawah KTN melibatkan beberapa jenis borang di Jadual Pertama dan Jadual Keempat Belas (hakmilik berkomputer) dan ianya seperti berikut:

- a. Borang 5B – Geran (Jadual Pertama) dan Borang 5BK (Jadual Keempat Belas);
- b. Borang 5C – Pajakan Negeri (Jadual Pertama) dan Borang 5CK (Jadual Keempat Belas);
- c. Borang 5D – Geran Mukim (Jadual Pertama) dan Borang 5DK (Jadual Keempat Belas);
- d. Borang 5E – Pajakan Mukim (Jadual Pertama) dan Borang 5EK (Jadual Keempat Belas);
- e. Borang 11A – Hakmilik Sementara bersamaan Geran atau Pajakan Negeri (Jadual Pertama) dan Borang 11AK (Jadual Keempat Belas); dan
- f. Borang 11B – Hakmilik Sementara bersamaan Geran Mukim atau Pajakan Mukim (Jadual Pertama) dan Borang 11BK (Jadual Keempat Belas).

Melalui format borang-borang dokumen hakmilik tersebut dan maklumat-maklumat yang perlu dinyatakan (direkodkan) dalam daftar (dokumen hakmilik) berkenaan, ianya mengandungi pelbagai maklumat dan fakta. Selaras dengan prinsip “daftar adalah segala-galanya”, maka secara umumnya maklumat dan fakta-fakta dalam hakmilik itu melibatkan kepelbagaian aspek yang boleh diklasifikasikan seperti berikut:

- a. rekod ketuanpunyaan (*proprietorship*) iaitu nama tuan punya tanah dan maklumat-maklumat asas mengenai hakmilik itu seperti jenis dan nombor hakmilik, nombor lot, lokasi, keluasan, cukai tahunan, kategori penggunaan tanah, syarat syata tanah, sekatan kepentingan dan sebagainya;
- b. rekod kepentingan-kepentingan berdaftar seperti gadaian, pajakan, pajakan kecil, ismen dan sebagainya (urusniaga), sekiranya urusan tersebut ada dilaksanakan;

²¹ *Government Of The State Of Negeri Sembilan & Anor. v. Yap Chong Lan & 12 Ors.; Lesco Development Corporation Sdn. Bhd. v. Yap Chong Lan & 12 Ors* [1984] 2 MLJ 123.

- c. rekod kemasukan kaveat dan perintah larangan (bukan urusniaga) bagi melindungi kepentingan-kepentingan yang tidak didaftarkan dalam hakmilik berkenaan, sekiranya urusan tersebut ada dilaksanakan;
- d. rekod maklumat-maklumat berkaitan sesuatu permohonan yang telah dibuat berkaitan dengan hakmilik itu seperti catatan permohonan pecah sempadan, pecah bahagian, penyatuan tanah, penyerahan dan pemberimilikan semula, pengambilan tanah dan sebagainya, sekiranya urusan tersebut ada dilaksanakan;
- e. rekod endorsan-endorsan berkaitan dengan sesuatu tuntutan seperti sewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran; dan
- f. rekod catatan-catatan berbentuk notis seperti pengeluaran Borang 6A, Borang 8A, Notis Pelanggaran Syarat Tanah dan sebagainya.

Dengan itu, boleh dikatakan bahawa apa juga urusan tanah yang menyentuh sesuatu hakmilik itu perlu didaftarkan, diendorskan atau dimasukkan dalam hakmilik berkenaan selaras dengan jenis urusan yang dijalankan, selagi ianya dibenarkan oleh perundangan tanah. Berdasarkan keadaan sedemikian, maka sememangnya benar bahawa “daftar adalah segala-galanya” di bawah sistem Torrens yang diamalkan di negara ini. Atas sifatnya yang sedemikian, maka daftar (dokumen hakmilik) adalah dokumen konklusif dan muktamad, maka dengan itu juga mana-mana pihak yang ingin mendapatkan apa-apa maklumat berkaitan dengan sesuatu daftar (dokumen hakmilik) tersebut boleh membuat carian persendirian dan carian rasmi sebagaimana dibenarkan dan diperuntukkan di bawah seksyen 384 dan 385 KTN.

IV. ADAKAH PRINSIP “DAFTAR ADALAH SEGALA-GALANYA” DILAKSANAKAN SEPENUHNYA DI BAWAH SISTEM TORRENS YANG DIAMALKAN DI NEGARAINI

a. Pengecualian Konsep Hakmilik Yang Tidak Boleh Disangkal Di Bawah Seksyen 340 KTN

Secara umumnya, prinsip “daftar adalah segala-galanya” mempunyai perkaitan yang rapat dengan konsep hakmilik yang tidak boleh disangkal (*indefeasibility*), sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 340(1) KTN. Prinsip dan konsep tersebut adalah terpakai dan dilaksanakan di bawah sistem Torrens yang diamalkan di negara ini. Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu terdapat beberapa pengecualian atau penyimpangan kepada pemakaian sepenuhnya prinsip tersebut. Walaupun sesuatu hakmilik dan kepentingan yang telah didaftarkan dikategorikan sebagai hakmilik dan kepentingan yang tidak boleh disangkal (*indefeasibility*), namun melalui peruntukan di bawah seksyen 340(2) dan 340(3) KTN terdapat

beberapa pengecualian kepada prinsip tersebut. Misalnya di bawah seksyen 340(2) KTN, sekiranya berlaku perkara-perkara seperti penipuan, salah nyata, pemalsuan, suratcara tidak lengkap atau tidak sah (*void instrument*), dan pemilikan yang diperolehi secara tidak sah, maka hakmilik dan kepentingan yang telah didaftarkan itu telah menjadi boleh disangkal (*defeasible*). Begitu juga di bawah seksyen 340(3) KTN, sesuatu hakmilik dan kepentingan yang dikategorikan sebagai boleh disangkal berikutan dengan keterlibatan dengan elemen-elemen di bawah seksyen 340(2) itu, akan turut memberi kesan kepada hakmilik dan kepentingan tersebut sekiranya dipindahmilik atau diletakkan kepada mana-mana orang atau badan berikutnya, kecuali hakmilik atau kepentingan itu telah diperolehi oleh mana-mana pembeli dengan cara suci hati dan untuk balasan yang berharga (*in good faith and for valuable consideration*). Walaupun dari satu aspek konsep hakmilik dan kepentingan yang tidak boleh disangkal (*indefeasibility of title or interest*) wujud di bawah KTN, ianya tidak mutlak dan masih tertakluk kepada beberapa syarat lain khususnya sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 340(2) dan (3) KTN itu. Dengan kata lain, dalam situasi tersebut daftar itu boleh menjadi tidak segala-galanya.

Berkaitan dengan perkara di atas, kes *Tan Ying Hong v. Tan Sian San & Ors.* adalah berkaitan. Melalui kes ini perayu/plaintif adalah tuan punya tanah berdaftar bagi hakmilik H.S.(M) 6033, P.T. 6371, Mukim Kuala Kuantan, Kuantan, Pahang. Tanpa diketahuinya, tanah tersebut telah digadaikan (dua gadaian) kepada United Malayan Banking Corporation (responden ketiga) oleh responden pertama/defendant bagi keperluan Cini Timber Industries Sdn. Bhd. (responden kedua). Responden pertama menggadaikan tanah tersebut dengan menggunakan surat kuasa wakil atas nama perayu/plaintif di mana perayu telah menafikan pemberian suratkuasa wakil itu dan dianggapnya sebagai surat kuasa yang palsu. Perayu/plaintif hanya mengetahui isu ini apabila responden ketiga (pihak bank) mengemukakan notis bertarikh 9.3.1985 berkaitan dengan kegagalan membuat bayaran kepadanya. Dengan itu, dua gadaian yang telah didaftarkan itu menggunakan dokumen yang tidak sah (*void document*) kerana ianya tidak ditandatangani oleh perayu. Dengan itu juga dua gadaian tersebut wajar diketepikan selaras dengan peruntukan seksyen 340(2)(b) KTN. Manakala kedudukan pemegang gadaian iaitu responden ketiga terhalang untuk memanfaatkan peruntukan di bawah seksyen 340(3) KTN, iaitu pihak yang “bona-fide and for value consideration” disebabkan gadaian-gadaian tersebut berhasil daripada dokumen-dokumen yang tidak sah. Berikutan dengan itu, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa responden ketiga yang telah didaftarkan sebagai pemegang gadaian menjadi tidak sah disebabkan gadaian tersebut telah melibatkan pemalsuan suratcara tanpa diketahui dan

dibenarkan oleh perayu (*appellant*), sebagai tuan punya tanah berkenaan.²² Dengan itu, urusniaga tersebut (gadaian-gadaian) telah menjadi tidak sah (*void*) disebabkan telah tergolong di bawah seksyen 340(2)(b) KTN. Walaupun gadaian-gadaian telah didaftarkan dalam daftar (dokumen hakmilik), tetapi dalam situasi tersebut daftar itu telah menjadi bukan segala-galanya kerana urusniaga tersebut telah dicabar akan kesahihannya dan menjadi tidak sah berdasarkan peruntukan di atas. Maknanya, bukan semua urusniaga yang telah didaftarkan dalam sesuatu daftar itu menjadi kepentingan yang tidak boleh disangkal tetapi ianya masih tertakluk kepada beberapa pengecualian seperti dalam kes ini.

b. Pelaksanaan Sistem Kaveat Dalam Melindungi Kepentingan-Kepentingan Yang Tidak Berdaftar

Di bawah KTN terdapat sistem kaveat yang secara umumnya berfungsi untuk menghalang tuan punya tanah atau pemegang-pemegang kepentingan berdaftar daripada melaksanakan urusniaga tanah atau urusniaga ke atas kepentingan-kepentingan berkenaan dengannya. Dengan kata lain, sistem kaveat merupakan salah satu cara bagi melindungi pihak-pihak yang kepentingannya tidak berdaftar (*registrable interest*) berkaitan dengan sesuatu hakmilik tersebut. Manakala prinsip asas di bawah sistem Torrens “daftar adalah segala-galanya”, yang di antara lain memberi pengiktirafan dan keutamaan kepada segala bentuk kepentingan-kepentingan yang berdaftar dalam hakmilik seperti gadaian, pajakan, pajakan kecil, ismen dan lain-lain. Maknanya, kemuktamadan daftar (dokumen hakmilik) dan pendaftaran itu adalah amat penting. Kewujudan dan pelaksanaan sistem kaveat ini seolah-olah telah memberi pengecualian atau penyimpangan kepada prinsip “daftar adalah segala-galanya”, kerana terdapat kepentingan-kepentingan yang tidak berdaftar (yang tidak ada dalam hakmilik) juga telah diberi pengiktirafan dan perlindungan atas kepentingan-kepentingannya melalui pelaksanaan sistem kaveat itu (sama ada melalui kaveat pendaftar, kaveat persendirian, kaveat pemegang lien dan kaveat amanah).

c. Urusniaga Lien dan Tenansi Yang Dikecualikan Daripada Pendaftaran

Secara umumnya, setiap suratcara urusniaga di bawah KTN menggunakan borang-borang tertentu di Jadual Pertama dan seterusnya perlu didaftarkan, iaitu dengan memasukkan memorial-memorial yang berkaitan dalam hakmilik tersebut dan ditandatangani (didaftarkan) oleh pendaftar yang berkenaan. Melalui penyemakan dan penelitian ke atas daftar (dokumen hakmilik) tersebut akan diketahui segala urusniaga, endorsan, catatan, nota dan sebagainya yang masih berkuatkuasa berkaitan dengan hakmilik berkenaan.

²² *Tan Ying Hong v. Tan Sian San & Ors.* [2010] 2 MLJ 3.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa urusniaga di bawah KTN yang telah dikecualikan daripada pendaftaran seperti “sewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran” sejatinya dinyatakan di bawah seksyen 213 KTN, dan juga “urusniaga lien” sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 281 KTN. Apabila kedua-dua urusniaga ini tidak perlu didaftarkan, maka ia memperlihatkan penyimpangan kepada prinsip “daftar adalah segala-galanya”, kerana terdapat urusniaga sedemikian yang dilaksanakan tetapi tidak ada apa-apa endorsan dan catatan mengenainya di atas hakmilik tersebut. Walau bagaimanapun, bagi melindungi dan menentukan kepentingan pihak-pihak tersebut berkaitan urusniaga-urusniaga itu, maka pihak berkenaan dikehendaki membuat pengendorsan dalam hakmilik, iaitu berkaitan dengan permohonan sewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran seperti dinyatakan di bawah seksyen 316 KTN. Manakala bagi urusniaga lien pula, pihak yang hakmilik tanah tersebut telah diserahkan oleh tuan punya tanah kepadanya dikehendaki memasukkan kaveat pemegang lien terhadap hakmilik tersebut bagi melindungi kepentingannya ke atas lien berkenaan sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 281(1) dan 330 KTN. Tindakan sebegini menunjukkan terdapat keperluan bagi pengendorsan dan catatan dibuat dalam hakmilik berkenaan bagi melindungi kepentingan pihak-pihak tersebut berkaitan dengan urusniaga yang telah dilaksanakan tanpa pendaftaran itu.

Berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 206(2) KTN, secara jelas telah menyatakan bahawa kewujudan sewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran dan lien, adalah tidak tertakluk kepada syarat-syarat atau ketetapan sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 206(1) KTN. Manakala seksyen 206(3) KTN telah memberi pengiktirafan dan jaminan bahawa mana-mana kontrak yang telah diwujudkan berkaitan dengan sesuatu transaksi tanah milik dan kepentingan berkaitan dengannya, tidak akan terjejas sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah seksyen 206(1) KTN itu. Peruntukan ini telah memperlihatkan pengecualian dan penyimpangan kepada prinsip “daftar adalah segala-galanya”, memandangkan mana-mana transaksi (urusniaga) yang gagal atau tidak dapat didaftarkan di bawah KTN, operasi atau perjalanan kontrak berkenaan dengannya yang telah dibuat sebelum itu masih berkuatkuasa dan berterusan (tidak terjejas).

d. Pemakaian Undang-Undang Adat Melayu dan Undang-Undang Islam

Seksyen 4(2) KTN antara lain, telah menyatakan bahawa tiada mana-mana peruntukan di bawah KTN boleh menyentuh mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa berhubungan dengan pemegangan secara adat, tanah kesultanan, wakaf atau baitulmal. Peruntukan itu merupakan pengecualian pelaksanaan peruntukan KTN ke atas perkara-perkara tersebut. Melalui

penyemakan beberapa kes mahkamah berkaitan dengan perkara di atas terdapat pengecualian atau penyimpangan kepada prinsip “daftar adalah segala-galanya”. Sebagai contoh, dalam kes **Kiah binte Hanapiyah v. Som binte Hanapiyah [1953] 1 MLJ 82**, telah berlaku pertikaian di antara perayu dan responden berkaitan sebuah rumah kayu yang telah dibina di atas tanah yang didaftarkan atas nama perayu. Rumah tersebut telah dibina oleh datuk responden (dan juga merupakan datuk kepada perayu) dan setelah siap ianya diberikan kepada responden (secara lisan) dengan disaksikan oleh beberapa orang pada ketika itu. Setelah kematian datuknya, maka perayu telah mengambil alih rumah tersebut dengan alasan ianya telah dibina atas tanah beliau dan pemberian atau hadiah (*gift*) daripada datuk mereka itu tidak lengkap dan sempurna.

Isu dalam kes ini ialah kedudukan sama ada rumah kayu yang dibina bertiang yang terletak atas tanah itu boleh dikategorikan sebagai harta alih (*moveable property*) atau harta tidak boleh alih (*immoveable property*) bagi membolehkan responden memindahkan rumah tersebut dari atas tanah yang dipunyai oleh perayu. Dalam kes ini mahkamah telah menggunakan dan membuat pertimbangan berdasarkan aspek perundangan adat Melayu iaitu rumah kayu lama sedemikian diklasifikasikan sebagai harta alih, dengan itu ianya boleh dipindahkan. Manakala di bawah KTN, rumah tersebut merupakan sebahagian daripada tanah kerana ianya terletak dan terbina (terlekat) atas tanah itu atau dalam maxim undang-undang disebut “**quicquid plantatur solo, solo cedit**”, yang menjadi hak kepunyaan perayu sebagai tuan punya tanah. Keputusan mahkamah melalui kes ini memperlihatkan pertimbangan diberikan kepada aspek undang-undang adat Melayu dan telah mengenepikan konsep dan pengertian tanah di bawah KTN (sistem Torrens). Berdasarkan KTN, apabila seseorang itu telah didaftarkan sebagai tuan punya tanah, maka apa-apa yang terlekat atau terbina atas tanah itu ianya adalah hak kepunyaan tuan punya tanah berkenaan iaitu selaras dengan prinsip “daftar adalah segala-galanya”. Walau bagaimanapun melalui keputusan kes ini, mahkamah telah membuat pengecualian kepada prinsip tersebut dengan mengambil kira aspek perundangan adat Melayu.

Manakala melalui kes **Roberts alias Kamarulzaman v. Ummi Kalthom [1966] 1 MLJ 163**, ia berkaitan dengan tuntutan harta sepencarian di antara plaintiff (suami) dan defendant (isteri) yang telah berpisah. Semasa masih berumahtangga (bersama), mereka telah membeli sebuah rumah di Setapak, Kuala Lumpur, dengan harga RM50,000.00. Plaintiff membayai RM40,000.00, manakala defendant membayainya sebanyak RM10,000.00. Harta tersebut (rumah) telah didaftarkan dalam hakmilik atas nama defendant. Berdasarkan keterangan defendant, ianya merupakan hadiah (pemberian) atau “hibah” daripada suami kepada isteri. Walau bagaimanapun, setelah mereka berpisah, plaintiff telah membuat tuntutan bahawa rumah tersebut sebagai harta

sepencarian yang ianya layak untuk menuntut separuh syer daripada harta berkenaan. Melalui kes ini, mahkamah telah memutuskan bahawa rumah tersebut adalah harta sepencarian dan plaintif layak untuk menuntut separuh daripada syer harta itu, walau pun ianya telah didaftarkan atas nama defendant dalam hakmilik berkenaan. Manakala dari sudut perundangan Islam, mahkamah mendapati bahawa defendant telah gagal mengemukakan bukti yang cukup bahawa telah berlaku “**hibah**” atau pun hadiah daripada suami kepada isteri. Perkara yang penting melalui kes ini ialah kesediaan mahkamah untuk memakai dan memberi pertimbangan dari aspek undang-undang adat Melayu dan juga undang-undang Islam dalam penghakimannya. Keputusan ini telah memperlihatkan pengenepian kepada konsep pendaftaran (pemilik berdaftar) di bawah KTN dan seterusnya telah menyimpang daripada prinsip “daftar adalah segala-galanya”. Berdasarkan KTN, tuan punya tanah adalah pihak yang namanya telah didaftarkan dalam daftar (dokumen hakmilik) dan dengan mengenepikan perkara tersebut sekaligus telah memperlihatkan daftar itu bukanlah segala-galanya.

e. Pemakaian Kaedah Ekuiti Dalam Melindungi Hak dan Kepentingannya

Sistem Torrens di negara ini yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan melalui KTN berasaskan atau berteraskan kepada “pendaftaran”, yang berikutnya dengannya lahirlah konsep hakmilik dan kepentingan yang tidak boleh disangkal (*indefeasibility of title and interest*), yang akhirnya terangkum dalam satu ungkapan kata “daftar adalah segala-galanya”. Namun demikian, dalam keadaan dan kes-kes tertentu terdapat semacam penyimpangan atau pengecualian daripada prinsip tersebut melalui pemakaian kaedah atau hak-hak berlandaskan ekuiti. Perkara ini diperkuatkan lagi melalui keputusan mahkamah dalam *Wilkins v. Kannamal* [1951] 1 MLJ 99, iaitu sebagaimana dinyatakan oleh Hakim Taylor bahawa sistem Torrens merupakan satu sistem pemindahan hak dan ia tidak memansuhkan atau membatalkan kaedah-kaedah ekuiti²³. Manakala melalui kes *Frazer v. Walker* [1967] 1 AC 569, Lord Wilberforce pula menyatakan bahawa sistem Torrens tidak sekali-kali menghalang atau menafikan hak mana-mana plaintiff untuk memulakan tindakan peribadi (*in personam*) berasaskan undang-undang atau ekuiti untuk mendapatkan relief sebagaimana Mahkamah bertindak “*in personam*” boleh memberikannya.²⁴

Di bawah KTN pula, tidak ada peruntukan secara khusus dalam Akta tersebut yang menyatakan bahawa undang-undang tanah Inggeris dan kaedah-kaedah ekuiti tidak boleh digunakan berkaitan dengan pemegangan tanah dan perkara-perkara berkaitan dengannya. Dengan perkataan lain, KTN

²³ Salleh Buang, Undang-Undang Tanah Di Malaysia, Cetakan Pertama, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, m/s 123.

²⁴ ibid, m/s 123.

“silent” mengenainya. Tambahan pula, seksyen 6 Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Semakan 1972), telah mengecualikan pemakaian undang-undang tanah Inggeris dan kaedah ekuiti yang menyentuh aspek pemegangan (*tenure*) dan pemindahhakkan (*conveyancing*) mana-mana harta tak alih (tanah). Walau pun terdapat peruntukan sedemikian di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Semakan 1972), tetapi terdapat beberapa kes mahkamah yang memperlihatkan para hakim yang berkenaan telah mengambil kira aspek hak-hak dan kepentingan ekuiti semasa membuat penghakimannya. Di antara kes-kes tersebut adalah seperti *Ong Chat Pang v. Valiappa Chettiar* [1971] 1 MLJ 224, *Mosbert Berhad (In Liquidation v. Chatib bin Kari)* [1985] 1 MLJ 162, *Mahadevan s/o Mahalingam v. Manilal & Sons* [1984] 1 MLJ 266, *Mercantile Bank Ltd v. The Official Assignee Of The Property Of How Han Teh* [1969] 2 MLJ 196, *Margaret Chua v. Ho Swee Kiew* [1961] 27 MLJ 173, *Siew Soon Wah & Ors v. Yong Tong Hong* [1973] 1 MLJ 133 dan *Mok Deng Chee v. Yap See Hoi & Ors* [1981] 2 MLJ 321.²⁵ Bagi tujuan memperjelaskan lagi kedudukan perkara tersebut (sebagai kes contoh), maka penelitian lanjut akan dibuat kepada kes *Mercantile Bank Ltd v. The Official Assignee Of The Property Of How Han Teh*.

Latar Belakang dan Fakta Kes

Melalui kes ini, tuan punya tanah (How Han Teh) telah menyerahkan (mendepositkan) dua dokumen hakmilik tanahnya kepada pemohon sebagai sekuriti (jaminan) kepada suatu pinjaman yang diperolehnya daripada pemohon. Berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 281 KTN, pemohon boleh memohon kepada pendaftar untuk memasukkan kaveat pemegang lien di bawah seksyen 330 KTN ke atas hakmilik berkenaan bagi membolehkannya berhak (layak) kepada suatu lien ke atas tanah itu, iaitu sebagai pemegang lien. Dalam kes ini didapati pemohon hanya memasukkan kaveat ke atas hakmilik berkenaan pada 2.8.1966, iaitu setelah tuan punya tanah tersebut diisyiharkan bankrap (muflis) dan setelah Pegawai Pemegang Harta mengambil alih harta tersebut (setelah harta tersebut terletak hak kepada Pegawai Pemegang Harta). Pemohon telah memfailkan permohonan ke mahkamah bagi tujuan mendapatkan suatu perintah jualan (lelongan awam) tanah tersebut sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 281(2) KTN. Permohonan perintah jualan itu telah mendapat bantahan daripada Pegawai Pemegang Harta dengan alasan pemohon bukanlah sebagai pemegang kaveat lien bagi hakmilik tersebut kerana pada masa tindakan kebankrapan itu berlaku, kaveat pemegang lien masih belum dimasukkan oleh pemohon ke atas hakmilik berkenaan. Dengan itu pemohon tidak mempunyai hak sebagai pemegang lien disebabkan sesuatu lien itu tidak wujud atau berkuatkuasa di

²⁵ Untuk makluman lanjut sila lihat Salleh Buang, Undang-Undang Tanah Di Malaysia, Cetakan Pertama, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, m/s 125 dan Salleh Buang, Malaysian Torrens System (Second Edition), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007, m/s 174 – 175.

bawah KTN selagi kaveat pemegang lien tidak dimasukkan ke atas hakmilik tersebut. Manakala pemohon pula berhujah bahawa pada masa tindakan kebankrapan itu berlaku dokumen hakmilik berkenaan telah didepositkan oleh tuan punya tanah itu kepadanya (dalam pegangannya) sebagai sekuriti bagi suatu pinjaman yang telah dilaksanakan lebih awal lagi (iaitu Oktober 1964). Dengan itu pemohon pada ketika itu telah memperolehi hak ekuiti kepada suatu lien di bawah kontrak (*had equitable rights to a lien in contract*). Dalam kes ini mahkamah telah memutuskan seperti yang berikut:

“At the time when the act of bankruptcy was committed the applicants had an equitable right to a lien and the trustee in bankruptcy who steps into the bankrupt’s shoes, takes a title no better than him. He takes subject to the same equities as affected the property in the bankrupt’s hands. The applicants have a prior interest and were entitled to an order for sale”.²⁶

Rumusan Kes

- i. Melalui keputusan kes ini, mahkamah telah mengambil kira dan memberi keutamaan dari aspek hak dan kepentingan ekuiti kepada suatu lien daripada pemohon yang telah memperolehnya lebih awal, dibandingkan dengan hak dan kepentingan semasa harta tersebut terletak hak (diambil alih) oleh Pegawai Pemegang Harta daripada tuan punya tanah. Dengan itu pemohon telah memperolehi keutamaan (*priority*) dalam mendapatkan hak dan kepentingannya sebagai pemegang lien bagi tanah tersebut, **walau pun pada masa itu ia masih belum memasukkan kaveat ke atas hakmilik berkenaan sebagaimana diperlukan di bawah Seksyen 281 KTN**. Walau pun harta tersebut telah terletak hak kepada Pegawai Pemegang Harta, mahkamah telah memutuskan bahawa kedudukan haknya ke atas tanah tersebut tidak dapat mengatasi hak dan kepentingan yang telah diperolehi oleh pemohon melalui kaedah ekuiti. Mahkamah mendapati semasa Pegawai Pemegang Harta mengambil alih harta tersebut, ianya telah tertakluk (terhalang) kepada hak-hak ekuiti pemohon kepada suatu lien yang telah wujud semasa hakmilik-hakmilik tanah itu diserahkan atau didepositkan oleh tuan punya kepada pemohon pada Oktober 1964. Dengan itu pemohon telah memperolehi keutamaan dari segi kepentingannya ke atas tanah tersebut dibandingkan dengan Pegawai Pemegang Harta yang telah mengambil alih tanah tersebut.
- ii. Berdasarkan prinsip “daftar adalah segala-galanya”, sepatutnya pemohon perlu memasukkan kaveat pemegang lien ke atas hakmilik berkenaan

²⁶ *Mercantile Bank Ltd v The Official Assignee of the Property of How Han Teh* [1969] 2 MLJ 196.

selaras dengan peruntukan dan kehendak di bawah seksyen 281 dan 330 KTN. Dengan berbuat sedemikian, maka dalam hakmilik-hakmilik berkenaan akan terdapat catatan mengenai kemasukan kaveat pemegang lien itu dan ianya menjadi keterangan muktamad dan informasi yang berguna kepada mana-mana pihak yang berminat dan berkepentingan dengan hakmilik berkenaan apabila mereka membuat carian ke atasnya. Dengan cara ini, maka konsep “pendaftaran” dan prinsip “daftar adalah segala-galanya” dapat direalisasikan. Walau bagaimanapun, melalui keputusan kes ini telah memperlihatkan penyimpangan atau pengecualian kepada prinsip di atas, malahan telah mewujudkan prinsip yang berlawanan dengannya, iaitu **“daftar bukanlah segala-galanya”**. Kedudukan perkara ini dapat diperjelaskan lagi melalui penelitian kepada sebahagian lagi daripada kata-kata hakim semasa membuat penghakimannya ke atas kes tersebut seperti yang berikut:-

“although no lien is created under the Land Code until the caveat is registered, the court in the absence of express words in the statute is not preventing “from doing justice between parties by giving effect to equitable rights by way of contract”. In other words, although failure to lodge a caveat does not entitle the depositor with whom the issue document of title is deposited, to a lien under the Code, he still possesses a right to it in equity. He can exercise that right by registering the caveat under section 134 at any time. In dealing with such equitable rights the courts in general act upon the principles which are applicable to equitable interests in land which are not subject to the statutes”.²⁷

V. PENELITIAN DAN RUMUSAN

Apakah asas atau teras kepada sistem Torrens? Jawapannya ialah pendaftaran. Apakah yang didaftarkan? Perkara utama yang didaftarkan adalah daftar (dokumen hakmilik) dan diikuti dengan pendaftaran urusan-urusan tanah yang berkaitan dengannya (sekiranya ada). Mengapakah perlu didaftarkan? Iaitu untuk memenuhi kehendak perundangan (KTN), dan bagi melindungi atau menjamin keesahan hakmilik dan ketuanpunyaan, serta kepentingan-kepentingan (yang perlu didaftarkan) dalam hakmilik tersebut. Perkara ini selaras dengan kata-kata Hakim Hashim Yeop A. Sani dalam kes *Dr. Ti Teow Siew & Ors v. Pendaftar Geran-Geran Tanah Negeri Selangor* [1982] 1 MLJ 39, iaitu **“Registration is central in the Torrens system and in any statute like the National Land Code which carries the Torrens system”. “It is registration that gives and extinguishes title under the National Land Code. Registration is the cornerstone of the Torrens system”**. Bukti

²⁷ ibid, m/s 197.

atau asas kepada jaminan tersebut ialah konsep hakmilik dan kepentingan yang tidak boleh disangkal sepetimana dinyatakan di bawah seksyen 340(1) KTN. Pentingnya konsep tersebut melalui seksyen 340(1) KTN itu ialah bagi menentukan hakmilik dan kepentingan-kepentingan yang telah didaftarkan itu mencapai taraf kemuktamadan dan ketentuan daftar (*finality and conclusiveness of register*). Akhirnya dapat merealisasikan prinsip bahawa di bawah sistem Torrens “daftar adalah segala-galanya” yang perlu dipercayai dan diyakini akan kemuktamadan dan kesahihannya, kecuali terdapat faktor-faktor tertentu yang boleh menyangkalnya seperti dinyatakan di bawah seksyen 340(2) dan (3) KTN.

Prinsip “daftar adalah segala-galanya” meletakkan martabat daftar (dokumen hakmilik) sebagai dokumen utama yang muktamad dan konklusif. Atas sifatnya yang sedemikian, maka daftar (dokumen hakmilik) mengandungi dan memaparkan kepelbagaiannya fakta dan maklumat penting mengenainya secara jelas dan telus, selaras dengan prinsip cermin (*mirror principle*) yang diaplikasikan di bawah sistem Torrens. Tiada maklumat dan fakta yang tersembunyi atau disembunyikan. Manakala melalui prinsip tabir (*curtain principle*) pula, mana-mana pihak yang ingin berurusan dengan hakmilik dan tanah tersebut (sebagai contoh bagi tujuan urusan pindahmilik tanah berkenaan), hanya perlu memberi fokus dan tumpuan kepada maklumat yang ada dalam daftar (dokumen hakmilik) tersebut dan tidak perlu merasa ragu dan mempersoalkan kesahihan maklumat-maklumat yang dipaparkan melalui daftar (dokumen hakmilik) berkenaan. Perkara ini berketepatan dengan kata-kata Hakim Lord Buckmaster semasa penghakimannya dalam kes *Creelman & Anor v. Hudson Bay Insurance Company* [1920] AC, 197 iaitu, “**to enable an investigation to take place as to the right of the person to appear upon the register which he holds the certificate which is evidence of his title, would defeat the very purpose and object of the statute of registration.**”²⁸ Dua (2) prinsip tersebut telah memperlihatkan bahawa daftar (dokumen hakmilik) merupakan dokumen yang muktamad dan konklusif yang menjadi sumber maklumat dan rujukan penting kepada mana-mana pihak yang ingin berurusan dengan hakmilik atau tanah berkenaan. Dengan itu, tindakan dan urusan berkaitan dengan tanah berkenaan menjadi lebih mudah, ringkas, cepat, dan telus selaras dengan matlamat dan prinsip “daftar adalah segala-galanya”.

Keputusan kes *Teh Bee v. K. Maruthamuthu* telah memperlihatkan betapa pentingnya tindakan pendaftaran dan kewujudan daftar (dokumen hakmilik) yang telah didaftarkan itu. Kes ini melibatkan pemberimilikan tanah kerajaan dan apabila hakmiliknya telah didaftarkan, maka ianya telah menjadi

²⁸ *Teh Bee v K Maruthamuthu* [1977] 2 MLJ 12. Lihat juga Teo Keang Sood and Khaw Lake Tee, *Land Law In Malaysia, Cases and Commentary*, Third Edition, LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, 2012, m/s 51.

dokumen yang muktamad dan berkuatkuasa sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 78(3) KTN. Berikutan dengan itu nama tuan punya tanah yang telah didaftarkan (tercatat dalam hakmilik tersebut) telah menjadi sah dan tidak boleh disangkal lagi oleh mana-mana pihak, kecuali terdapat faktor-faktor tertentu yang boleh berbuat sedemikian. Melalui sistem Torrens, tuan punya tanah yang berdaftar dalam sesuatu dokumen hakmilik itu merupakan tuan punya tanah yang sah dan memperolehi taraf “kekebalan” daripada sebarang tuntutan dan penyangkalannya. Manakala hakmilik yang telah didaftarkan itu pula telah diklasifikasikan sebagai hakmilik yang tidak boleh disangkal sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 340(1) KTN. Melalui kes ini juga memperlihatkan apabila sesuatu hakmilik telah didaftarkan, maka tanah tersebut yang sebelumnya sebagai tanah kerajaan di bawah bidangkuasa Pihak Berkuasa Negeri, telah menjadi tanah milik yang dimiliki oleh pemiliknya yang berdaftar. Berikutan dengan perubahan status tanah kerajaan tersebut, maka mana-mana pihak yang ingin menuntut hak ketuanpunyaan ke atas tanah itu sudah tertutup (terhalang) dan menjadi tidak relevan lagi kerana “daftar adalah segala-galanya”.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu terdapat pengecualian atau penyimpangan daripada prinsip “daftar adalah segala-galanya” sebagaimana dinyatakan di atas. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi berlakunya keadaan tersebut, dan salah satunya adalah berkait rapat dengan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah. Dalam hubungan ini budibicara para hakim dalam membuat pertimbangan dan keputusan bagi sesuatu kes itu amat penting dalam menentukan sama ada ianya menepati prinsip “daftar adalah segala-galanya” atau sebaliknya. Melalui beberapa kes yang telah diputuskan, termasuk kes *Mercantile Bank Ltd v The Official Assignee Of The Property Of How Han Teh*, walaupun “daftar adalah segala-galanya”, penekanan utama diberikan kepada aspek kaedah-kaedah ekuiti. Berlakunya pengecualian dan penyimpangan daripada prinsip “daftar adalah segala-galanya” ini, berkemungkinan juga bagi mengatasi isu keketatan (*rigidity*) KTN itu sendiri yang mengamalkan sistem Torrens. Beberapa kes yang telah diputuskan memperlihatkan sistem Torrens seolah-olah tidak eksklusif dan telah “membuka pintu” kepada kemasukan pengaruh lain seperti kaedah-kaedah ekuiti, undang-undang adat Melayu dan sebagainya. Malah seksyen 4(2) dan 206(3) KTN telah memperuntukkan beberapa pengecualian yang memberi ruang dan potensi ke arah penerimaan dan pemakaian kepada kaedah-kaedah ekuiti dalam sistem pentadbiran tanah di negara ini.

Pada keseluruhannya, “daftar adalah segala-galanya” merupakan prinsip yang diamalkan di bawah sistem Torrens, khususnya bagi negara ini yang dikuatkuasakan melalui KTN. Asas kepada sistem Torrens adalah “pendaftaran”, yang melibatkan daftar (dokumen hakmilik) dan urusan-

urusan tanah yang berkaitan dengannya. Sehubungan itu, Lord Diplock dalam kes *T. Damodaran v. Choe Kuan Him* [1979] 2 MLJ 267, telah menyatakan, “**The National Land Code applies to Malaysia the Torrens system of registration of title to land. The whole purpose of the system is to get away from the complicated system of rules which in England regulate dealings with land, particularly those relating to such matters as notice of encumbrances and trusts.....**”. Manakala Hakim Hashim Yeop A. Sani dalam kes *Mohammad Buyong v. Pemungut Hasil Tanah Gombok & Ors.* telah menyatakan bahawa, “**registration, the corner-stone of the Torrens system, is a vital prerequisite of indefeasibility**”.²⁹ Begitulah pentingnya prinsip “daftar adalah segala-galanya” atau “register is everything”, yang mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan konsep “pendaftaran” dan “hakmilik dan kepentingan yang tidak boleh disangkal” sebagaimana diperuntukkan di bawah KTN yang mengamalkan sistem Torrens.

²⁹ Salleh Buang, Malaysian Torrens System (Second Edition), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007, m/s 170 dan *Mohammad bin Buyong v. Pemungut Hasil Tanah Gombak & Ors.* [1982] 2 MLJ 54.

RUJUKAN

1. Ainul Jaria Maidin, Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader, Bashiran Begum, Fauziah Md Noor, Nor Asiah Mohamed, Azlinor Suffian dan Ratna Aziz binti Rosli, *Principles of Malaysian Land Law*, LexisNexis, A Division of Reed Elsevier (Singapore) Pte. Ltd. 2008.
2. Civil Law Act 1956 (Revised 1972), Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, 2006.
3. *Chong Wooi Leong & Ors v Lebbey Sdn Bhd* [1998] 2 MLJ 644.
4. *Chong Wooi Leong & Ors v Lebbey Sdn Bhd (No. 2)* [1998] 2 MLJ 661.
5. David S.Y. Wong, *Tenure and Land Dealings in the Malay States*, Singapore University Press, Singapore, 1975.
6. *Dr. Ti Teow Siew & Ors v. Pendaftar Geran-Geran Tanah Negeri Selangor* [1982] 1 MLJ 38.
7. *Frazer v. Walker & Others* [1967] 1 All Er 649.
8. *Fels v. Knowles* [1906] 26 NZLR 604.
9. *Government of the State Of Negeri Sembilan & Anor. v. Yap Chong Lan & 12 Ors.; Lesco Development Corporation Sdn. Bhd. v. Yap Chong Lan & 12 Ors* [1984] 2 MLJ 123.
10. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56 of 1965), International Law Book Services, Bandar Damansara Perdana, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, 2011.
11. *Kiah binte Hanapiah v. Som binte Hanapiah* [1953] 1 MLJ 82.
12. *Lebbey Sdn Bhd v Chong Wooi Leong & Anor and other applications* [1998] 5 MLJ 368.
13. *Mercantile Bank Ltd v The Official Assignee of The Property of How Han Teh* [1969] 2 MLJ 196.
14. *Mohammad bin Buyong v. Pemungut Hasil Tanah Gombak & Ors.* [1982] 2 MLJ 53.
15. National Land Code (Act 56 of 1965) & Regulations, International Law Book Services, Bandar Damansara Perdana, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, 2010.
16. *North East Plantations Sdn. Bhd Lun Pentadbir Tanah Daerah Dungun & Yang Lain* [2011] 4 CLJ 729.
17. *Piagamas Maju Sdn. Bhd lun. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor & Satu Lagi* [2013] 2 CLJ 824.
18. *Roberts alias Kamarulzaman v. Ummi Kalthom* [1966] 1 MLJ 163.
19. Salleh Buang, *Malaysian Torrens System* (Second Edition), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007.
20. Salleh Buang, *Undang-Undang Tanah Di Malaysia*, Cetakan Pertama, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993.
21. *Sidek bin Haji Muhamad & 461 Ors. v. The Government of the State Of Perak & Ors* [1982] 1 MLJ 313.

22. S.K. Das, The Torrens System In Malaya, Malayan Law Journal Ltd, Singapore, 1963.
23. *Tan Chiw Thoo v. Tee Kim Kuay* [1997] 2 MLJ 221.
24. *Tan Ying Hong v. Tan Sian San & Ors* [2010] 2 MLJ 1.
25. *Teh Bee v K Maruthamuthu* [1977] 2 MLJ 7.
26. Teo Keang Sood and Khaw Lake Tee, Land Law In Malaysia, Cases and Commentary, Third Edition, LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, 2012.
27. *Wilkins and Others v. Kannammal (f) and Anor* [1951] 1 MLJ 99.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 426 KANUN TANAH NEGARA – APAKAH YANG DIPERLUKAN

NORFAIZAH OMAR¹

ABSTRAK

Artikel ini ditulis untuk menilai tindakan yang dibuat selaras dengan penguatkuasaan terhadap peruntukan seksyen 426 Kanun Tanah Negara. Ia juga bertujuan untuk mengenangkan perkara yang perlu dipenuhi bagi menjalankan tindakan penguatkuasaan yang berkesan. Memandangkan seksyen 426 Kanun ini merujuk kepada pengeluaran dan pemindahan bahan batuan secara tidak sah, mengambil kira kecanggihan peralatan yang digunakan dalam industri ini, beberapa prasyarat tertentu perlulah disediakan untuk memastikan tindakan penguatkuasaan mendatangkan hasil yang bermakna dan berkesan.

ABSTRACT

The purpose of this article is to evaluate the actions taken pursuant to enforcement of the provisions of section 426 of the National Land Code. It also seeks to highlight matters that are required to be fulfilled in order to carry out an effective enforcement action. Since section 426 of the Code refers to the unlawful extraction or removal of rock material, in view of the sophistication of the machines used in the industry, certain pre-requisites need to be in place to ensure a meaningful and effective outcome of such action.

I. PENDAHULUAN

Encik Amin, seorang Penolong Pentadbir Tanah yang bertugas di Unit Teknikal dan Penguatkuasaan, Pejabat Tanah XYZ merupakan seorang pegawai yang komited untuk menguatkuasakan undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara² (KTN) yang dipertanggungjawabkan kepadanya sebagai penjawat awam. Walaupun beliau begitu berdedikasi melaksanakan tugas-tugas beliau di Unit tersebut, namun kejadian kecurian pasir di daerah beliau bertugas masih berlaku.

¹ Norfaizah Omar merupakan Penolong Pentadbir Tanah dan Timbalan Pendaftar Hakmlik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

² Akta 56 tahun 1965.

Sebagai seorang pegawai yang proaktif, beliau telah berusaha mengambil tindakan sebelum kejadian tersebut berlaku kerana apabila kejadian tersebut dilaporkan dalam media massa, beliau akan menghabiskan banyak masa untuk mengemukakan laporan kepada pegawai atasannya. Antara tindakan pencegahan yang telah diambil ialah membuat pemantauan berkala, mesyuarat berjadual bersama agensi, membuat operasi bersepadu dan operasi statik, memagar tapak insiden kecurian pasir dan bahan batuan lain serta meletakkan papan tanda amaran.

Pemantauan, lawatan tapak dan operasi yang dilakukan oleh Encik Amin dan anggota penguatkuasa di bawah seliaannya akan menghentikan kegiatan tersebut buat seketika. Namun selang beberapa minggu, kejadian tersebut akan berulang sama ada oleh pihak yang sama atau yang lain. Lebih menyedihkan lagi hanya setelah beberapa minit atau jam anggota penguatkuasa meninggalkan tapak kejadian, pihak yang terlibat akan kembali meneruskan kegiatan mereka.

KTN secara khusus telah membekalkan peruntukan undang-undang bagi kesalahan mengeluarkan bahan batuan seperti pasir secara tidak sah, namun ada beberapa perkara perlu disediakan secara pentadbiran bagi membantu Encik Amin dan anggota penguatkuasa untuk menangani kegiatan ini.

II. APAKAH YANG BERLAKU

Pasir merupakan satu industri yang bernilai jutaan ringgit dan amat menarik kepada banyak pihak terutamanya pemaju dan pemain dalam industri pembinaan. Oleh sebab itu mereka yang terlibat dalam kegiatan mengeluarkan pasir secara tidak sah yang boleh dipanggil sebagai ‘penjenayah curi pasir’ sanggup melakukan apa sahaja dan membuat sedikit pelaburan untuk memperolehinya kerana pulangannya juga amat tinggi.

Pagar, parit, tali (pita) keliling dan papan tanda amaran bukanlah halangan kepada penjenayah untuk menjalankan kegiatan mencuri pasir. Bagi tempat yang dipagar dan dibina parit, penjenayah tidak menghadapi masalah untuk merobohkan pagar yang dibina dan menimbus parit untuk sampai ke tapak. Bahkan mereka sendiri meletakkan hadangan di atas jalan masuk ke tapak dan membina parit yang dalam bagi menghalang anggota penguatkuasa sampai ke tapak. Mereka akan meninggalkan hanya satu laluan keluar masuk dan meletakkan pengawal di simpang masuk ke tapak untuk memaklumkan kedatangan anggota penguatkuasa dan seterusnya memberi mereka masa yang cukup untuk menghentikan kegiatan mencuri pasir dan meninggalkan tapak. Bukanlah suatu yang pelik, mereka juga sanggup mengeluarkan modal untuk mendapatkan khidmat ‘tonto’ bagi memantau pergerakan anggota penguatkuasa sepanjang masa.

III. APAKAH YANG DIPERLUKAN

Menurut seksyen 426A(1) KTN berkenaan ‘kuasa menahan dan merampas’, mana-mana pegawai polis yang tidak rendah daripada pangkat Inspektor, Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Penempatan atau pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa dengan sempurnanya oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) (selepas ini dalam Bahagian ini disebut sebagai “pegawai berkuasa”) bolehlah tanpa waran:

- (a) menahan mana-mana orang yang dijumpai melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426;
- (b) merampas apa-apa kenderaan, traktor, alat pertanian atau apa-apa benda lain sekalipun yang dipercayainya telah digunakan atau sedang digunakan dalam melaksanakan suatu kesalahan di bawah seksyen itu;
- (c) memusnahkan, membinasa atau memindah mana-mana bangunan, atau mengambilmilik atas nama PBN apa-apa tanaman, yang dibina atau ditanam di atas mana-mana tanah sebagai pelanggaran terhadapnya.

Seksyen 426A(1)(a) KTN dengan jelas menyebut tindakan yang boleh dilaksanakan oleh anggota penguatkuasa ialah menahan atau menangkap penjenayah serta pihak yang bersubahat dengan penjenayah seperti pemandu lori, pengendali jentolak, pengendali mesin pam air dan pengawal laluan masuk. Untuk menahan atau menangkap penjenayah serta pihak yang bersubahat, anggota penguatkuasa perlu dilatih seperti anggota keselamatan untuk mengendalikan penjenayah yang besar kemungkinan tidak berdiam diri. Kemahiran yang perlu ada bukan sahaja dari segi menahan individu sehingga mereka tidak boleh mlarikan diri tetapi juga kemahiran untuk menahan lori yang sedang bergerak. Kemahiran mempertahan dan membela diri amat penting kepada anggota penguatkuasa kerana penjenayah boleh bersikap agresif dan menggunakan senjata tajam. Anggota penguatkuasa juga menanggung risiko berhadapan dengan gengster atau samseng yang menjaga kawasan tersebut. Bagi jenayah mencuri pasir yang terancang, ada kemungkinan senjata api turut digunakan.

Seksyen 426A(3) KTN menyebut ‘Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Penempatan atau pegawai berkuasa bolehlah meminta mana-mana pegawai polis untuk membantu dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah subseksyen (1), dan hendaklah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai polis untuk mematuhi apa-apa permintaan sedemikian’, namun hakikatnya tindakan penguatkuasaan bersama pihak Polis tidak kerap boleh dilakukan kerana pihak Polis juga perlu dimaklumkan lebih awal secara rasmi sebelum

khidmat mereka boleh digunakan. Pihak Polis sendiri mempunyai beban tugas yang semakin meningkat dengan pola jenayah yang semakin berubah, maka kesukaran mendapat bantuan serta merta sememangnya difahami. Oleh kerana kegiatan mengorek dan memindahkan pasir dilaksanakan tidak tentu masa dan turut dilakukan pada waktu malam, maka alangkah baiknya jika tangkapan dan rampasan dapat dibuat setiap kali anggota penguatkuasa membuat risikan dan lawatan tanpa perlu menunggu kehadiran Polis. Justeru itu amat penting anggota penguatkuasa mempunyai kemahiran seperti agensi keselamatan yang lain serta turut dibekalkan dengan senjata yang lebih baik atau setanding dengan penjenayah.

Untuk menahan dan menangkap penjenayah dan mereka yang bersubahat, anggota penguatkuasa perlu mempunyai mekanisme untuk mengepung mereka dari segenap penjuru bagi mengelakkan mereka melarikan diri. Jika operasi dibuat dari satu arah sahaja, individu terlibat sempat lari dan meninggalkan lokasi kerana telah dimaklumkan lebih awal oleh penjaga yang mengawal laluan masuk. Anggota penguatkuasa perlu bersiap sedia dengan kemungkinan untuk mengikut laluan yang lain untuk sampai ke lokasi dan memerangkap penjenayah dari arah yang lain. Untuk ini apa yang diperlukan ialah jentera untuk membuka laluan baru, anggota yang mencukupi dan kemahiran taktikal membuat serbuan dan tangkapan.

yang mengelirukan pelanggan. Maka, dengan tertubuhnya OSC ini setiap jabatan dan agensi teknikal dapat berfungsi dengan lebih efektif, efisien, fleksibel dan mesra bisnes dalam urusan permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan serta pelan-pelan berkaitan. Selain itu, OSC juga turut berperanan membuat perakuan dan memaklumkan keputusan ke atas permohonan di bawah seksyen 124A dan 204D Kanun Tanah Negara selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 136(1)(c)(ii) dan 204D(1)(d). Di sinilah berlakunya pengawalan secara tidak langsung di bawah kuasa Pejabat Tanah dalam menentukan halatuju pembangunan setempat dan ia jarang diberi perhatian peri pentingnya keputusan yang dibuat terhadap masa depan produktiviti ekonomi khususnya bagi sektor pertanian.

Dalam konteks pentabiran tanah secara amnya, Pejabat Tanah dilihat mempunyai peranan besar dalam pembangunan negeri terutama daripada hasil kutipan cukai tanah untuk menampung keperluan kewangan negeri. Pada masa yang sama, Pejabat Tanah turut terlibat dalam merancang pembangunan dan menentukan guna tanah bagi tujuan pertanian, perumahan, komersil dan sebagainya selaras dengan perkembangan ekonomi semasa. Kebiasaan ia akan mengambilkira perancangan yang telah dibuat dalam Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah. Namun demikian, jika diamati bidang tugas Pejabat Tanah, jabatan ini merupakan *enabler* sebenar kepada pembangunan sama ada pembangunan itu datang daripada pihak kerajaan (persekutuan/negeri/tempatan), pihak swasta atau individu atau pemilik tanah itu sendiri. Berdasarkan seksyen 52 Kanun Tanah Negara, semua tanah yang diberi milik terbahagi kepada tiga kategori penggunaan tanah iaitu "Pertanian", "Bangunan" dan "Perusahaan". Dengan itu, semua pemilik tanah sepatutnya menggunakan tanah berkenaan mengikut kategori tanah dan syarat nyata dalam dokumen hakmilik. Kegagalan berbuat demikian bermakna melanggar syarat yang ditetapkan dan Pihak Berkuasa Negeri boleh merampas balik tanah berkenaan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 128 setelah amaran Notis melalui Borang 7A dan kemudian melalui Notis Borang 7B dikeluarkan.


Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri tidaklah zalm dengan menghalang pemilik tanah secara mutlak untuk membangunkan tanah seperti yang dikehendaki selagi masih dalam konteks maslahah dan tidak mendaratkan mudarat kepada aspek sosio-ekonomi negeri. Dalam hal itu, pemilik tanah yang ingin menggunakan tanahnya untuk kategori selain daripada yang tersurat dalam dokumen hakmilik perlu mengambil tindakan untuk menukar kategori guna tanah tersebut bertepatan dengan peruntukan seksyen 124 dan 124A Kanun Tanah Negara serta Kaedah-Kaedah Tanah Negeri terbabit. Bagi setiap pemohonan tukar syarat yang diluluskan, Pihak Berkuasa Negeri akan mengenakan bayaran premium tambahan. Proses

penukaran kategori guna tanah seperti dalam **Rajah 2(i)** dan **Rajah 2(ii)** di bawah.



Rajah 2 (i): Carta Alir Proses Penukaran Kategori Penggunaan Tanah.

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (2015).



Rajah 2 (ii): Carta Alir Proses Pengubahan Kategori Penggunaan Tanah


Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (2015).

Dalam hal ini, semasa permohonan ubah syarat dikemukakan kepada Pejabat Tanah di daerah dan dirujuk kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, ada beberapa pertimbangan yang diperuntukkan Kanun Tanah Negara khusus bagi tanah yang akan dimajukan. Pihak Berkuasa Negeri pada dasarnya akan menilai terlebih dahulu cadangan pembangunan agar tidak bertentangan dengan dasar Kerajaan Negeri serta rancangan pemajuan kawasan tersebut. Setelah ia berpuas hati, barulah pemohon boleh mengambil

tindakan selanjutnya dengan mengubah syarat. Di sini kebiasaannya akan berlaku konflik kepentingan antara Kerajaan Negeri dan Pentadbir. Di mata Kerajaan Negeri, pembangunan tersebut dilihat akan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi setempat, namun bagi Pentadbir pula ia merupakan dilema dalam mengatasi kekurangan tanah untuk kegunaan lain khasnya pertanian. Di sinilah ketegasan Pentadbir Tanah ditagih dan sama sekali wajar dihormati.

Pada kebiasaannya, Pentadbir Tanah hanya mengikut rentak dan seolah-olah hilang taring bila berdepan konflik sedemikian. Cadangan pembangunan yang sudah dilulus dan disokong oleh peringkat atasan amat jarang sekali ditolak oleh Pentadbir Tanah. Pejabat Tanah di daerah sekadar bertindak sebagai pemudah cara sahaja. Sekiranya dokumen permohonan lengkap, Pejabat Tanah akan memproses dan dokumen serta maklumat-maklumat berkaitan akan dirujuk dan disemak pula oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Ini berdasarkan kepada pemerhatian penulis dan temubual bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah di beberapa negeri dalam Malaysia. Sehubungan dengan itu, walaupun OSC pada dasarnya satu pembaharuan yang baik dan relevan dengan trend inovasi kerajaan, namun peranannya tidak lebih sebagai penyelaras semata-mata dan bukan medan bertegang leher mempertahankan status quo sesuatu hal yang melibatkan tanah, komuniti dan pembangunan setempat sekiranya ia bercanggah dengan keperluan semasa. Kehadiran Pentadbir Tanah dalam mesyuarat Pusat Setempat (OSC) bolehlah dianggap untuk mendengar permohonan baru, menerima tugas dan memaklumkan apa yang telah disiapkan.

Dengan itu, Pejabat Tanah di daerah dilihat sebagai tempat pemprosesan awal permohonan pembangunan dan menyediakan maklumat mengenai penggunaan dan pemilikan semasa ke atas sebidang tanah. Ini bermakna proses pengubahan kategori penggunaan tanah di bawah Kanun Tanah Negara akan melalui Pejabat Tanah dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan kemudian dipertimbangkan dan diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (**Rajah 3**). Mekanisme kelulusan ini juga boleh dikatakan sebagai satu bentuk saringan untuk memastikan kawasan pertanian utama terutama kawasan sawah padi (makanan ruji masyarakat Malaysia) tidak sewenang-wenangnya diubah untuk pembangunan selain pertanian.



Rajah 3: Ringkasan kawalan penggunaan tanah di bawah Pejabat Tanah.

Secara institusional bagi menggerakkan kawalan guna tanah ini, di beberapa buah negeri khususnya di bekas Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, Pejabat Tanah merupakan entiti yang berasingan dengan Pejabat Daerah dari segi fungsi dan keterlibatan secara langsung ke atas pembangunan daerah. Malah Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) mempunyai bidang kuasa yang berbeza. Walau bagaimanapun, PTD dan PTG saling berurusan antara satu sama lain bagi melicinkan pentadbiran tanah dalam negeri. Hubungkait ini menjadikan sistem pentadbiran tanah di Malaysia cukup dinamik.

IV. PERBINCANGAN

Dalam kedinamikan pentadbiran itu ada beberapa sudut pandang yang harus diamati oleh para pentadbir. Ada kemungkinan sebahagian pentadbir melihat peruntukan seksyen 124 dan seksyen 204D Kanun Tanah Negara membantu merancakkan aktiviti pembangunan dalam negeri dengan membolehkan proses ubah syarat berlaku. Ini ditambah lagi dengan pengenalan Pusat Setempat (OSC) sekaligus mempercepatkan proses secara lebih sistematik. Namun, apa yang dikhuatirkan ialah dengan adanya dua mekanisme yang diperuntukkan undang-undang ini, ia seolah-olah memberangkan proses ubah

syarat ini secara berleluasa. Ini dengan perkataan lain memberi satu tanggapan kepada pemohon bahawa permohonannya pasti akan lulus. Sedangkan peranan yang seharusnya dimainkan oleh agensi kerajaan khususnya Pejabat Tanah di daerah atau Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri sebenarnya lebih daripada itu dengan melakukan penelitian dengan lebih komprehensif terhadap permohonan pengubahan syarat ini secara keseluruhan tanpa terikut-ikut rentak kelulusan dan sokongan yang diberikan oleh jabatan dan agensi teknikal yang lain. Andaikata permohonan ini dengan mudah diluluskan, komuniti pentadbiran tanah seolah-olah meremehkan kuasa yang diperuntukkan oleh Kanun Tanah Negara kepada Pentadbir-pentadbir Tanah untuk membuat keputusan dengan tuntas dan jelas. Bukankah seksyen 76 Kanun Tanah Negara sudah memperincikan pemberimilikan harus memenuhi kriteria-kriteria yang telah tersenarai dalam subseksyen di bawahnya?. Maka, secara tidak langsung, pemohon tanah berimilik harus akur dengan kategori penggunaan tanah yang diluluskan. Ini bermakna kesemua kriteria tersebut adalah simbolik ‘kontrak perjanjian’ bakal tuan tanah dengan Pihak Berkuasa Negeri. Oleh itu, sebarang aktiviti di atas tanah berimilik tersebut akan merujuk kategori penggunaan tanah yang diluluskan kepadanya. Ini menunjukkan pada asas penerimaan pemilikan tersebut, tuan tanah bersetuju dengan kategori penggunaan tanah seperti yang dipenuhi di bawah seksyen 76(b). Oleh kerana itu, persoalan ‘kenapa perlu ubah syarat?’ harus mendasari pertimbangan yang akan dibuat melalui syor yang dikemukakan oleh Pentadbir Tanah. Malah, dalam aspek *zoning* sebagai alat kawalan perancangan bandar dan desa, jika diamati, tanpa peruntukan seksyen 53 dan seksyen 54 Kanun Tanah Negara tidak mungkin kawalan dalam konteks perancangan ini dapat berfungsi sebagaimana yang dihasratkan untuk memastikan pembangunan tanah terancang seiring dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Sebagai pentadbir yang prihatin, sama sekali tidak boleh hanya bergantung kepada trend keputusan jabatan atau agensi teknikal lain dalam Pusat Setempat (OSC). Mereka harus rasa tercabar dan berani untuk mengemukakan pendapat walaupun tampak seolah-olah ‘menongkah arus’ sentimen jawatankuasa jika permohonan ubah syarat ini tidak menguntungkan kerajaan negeri untuk jangka masa panjang. Sebagai contoh, sekiranya tiada komentar daripada Jabatan Pertanian terhadap ubah syarat tanah pertanian, apakah pentadbir tanah hanya boleh mengiyakan sahaja perkara tersebut sedangkan berapa keluasan tanah pertanian yang tinggal dalam sesebuah daerah pun tidak dapat dipaparkan untuk membantu agensi lain menilai permohonan tersebut dengan semasaki-masak dan sedalam-dalamnya sebelum keputusan dibuat. Jika senario ini berterusan dan sebahagian komuniti pentadbir terus menganggap seksyen 124 dan seksyen 204D Kanun Tanah Negara serta Pusat Setempat (OSC) hanyalah sekadar proses mempercepatkan keputusan dibuat, ternyata ia suatu tanggapan yang silap. Kewujudan undang-undang dan inisiatif Pusat Setempat (OSC) ini

bukan semata-mata sebagai penggalak pembangunan tetapi seharusnya menjadi tempat pertembungan pandangan yang jelas dan universal. Melalui pemerhatian pengkaji, belum pernah lagi berlaku ubah syarat bangunan dan industri kepada pertanian apatah lagi sekiranya tanah tersebut terletak dalam atau berdekatan kawasan bandar. Sebaliknya, apa yang berlaku ialah tanah-tanah pertanian ini diubah syarat kepada kategori bangunan dan industri atas nama pembangunan tanah, desakan pasaran harta tanah, urbanisasi dan industrialisasi. Oleh yang demikian, jika tidak dicermati dalam memberi kelulusan, ternyata ia akan menggadai masa depan negara secara tidak langsung sekaligus memberi satu tamparan hebat kepada pemerintah untuk memastikan tanah pertanian terus cukup untuk dijalankan aktiviti pertanian yang menyumbang kepada kestabilan jaminan makanan negara. Lebih parah lagi, andaikata bekalan makanan domestik tidak cukup menampung pertambahan bilangan populasi yang mendiami Malaysia dari sehari ke sehari. Sampai bila Malaysia harus bergantung kepada produk makanan ruji import dan sampai bila Malaysia mampu bertahan dengan kebergantungan sedemikian.

Justeru, dalam memastikan pembangunan terselaras seperti yang telah dirancang, peranan secara tidak langsung pentadbiran tanah juga ditagih bagi membolehkan tahap produktiviti bekalan makanan ruji domestik tidak terjejas walaupun pembangunan infrastruktur setempat berjalan dengan rancak. Ia akan sekaligus dapat memastikan jaminan makanan di Malaysia pada kedudukan yang selamat bagi memenuhi permintaan. Ini juga harus menjadi satu kewajaran kepada para pentadbir agar melihat dan mengambil kira kata kunci *people-bias* bila berhadapan konflik kepentingan dan meneliti kesan menyeluruh sekiranya penukaran kategori penggunaan tanah ini tidak ditangani dengan baik dan terkawal. Kesannya mungkin tidak akan dirasai dalam masa terdekat tetapi ia sudah pasti akan terus menghimpit generasi akan datang. Pengkaji sama sekali tidak mempersoalkan inovasi sistem penyampaian kerajaan melalui Pusat Setempat (OSC) tetapi apa yang menjadi perhatian pengkaji ialah peranan yang sepatutnya dimainkan oleh Pentadbir Tanah agar prestij kedudukan mereka yang diberi kuasa dan hak upaya oleh Kanun Tanah Negara tidak dipandang remeh dalam proses kawalan dan menentukan hala tuju negara yang lebih mampan serta *livable*. Dengan itu, paradigma Pentadbir Tanah juga wajar lebih meluas dan tidak terjuzuk kepada skop tugas masing-masing sahaja.

V. KESIMPULAN

Jelas sekali jaminan makanan merupakan senario masa kini yang wajar dibendung. Ini bertepatan dengan satu ucapan bekas Pengarah Eksekutif Program Makanan Dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Josette Sheeran yang menggambarkan jaminan makanan atau tahap bekalan

makanan tidak mencukupi bagi sesebuah negara sebagai *the silent tsunami* yang boleh memberi kesan kepada seluruh sistem kehidupan manusia atas muka bumi. Kanun Tanah Negara dan mekanisme perundangan atau bukan perundangan lain khusus di bawah pentadbiran tanah berperanan dalam menanggapi isu jaminan makanan di peringkat tempatan. Hal ini sekaligus memberi satu gambaran bahawa setiap undang-undang malah dasar kerajaan saling bergantungan untuk melicinkan tadbir urus berkaitan tanah supaya tampak lebih efisien dan efektif. Secara konseptual dan operasional, jelas sekali pentadbiran tanah boleh mewujudkan jaminan dalam pemilikan dan penggunaan tanah sekaligus memberi impak rantaian kepada jaminan makanan negara. Dalam masa yang sama, keperluan perlindungan tanah pertanian khususnya tanah sawah (asas pengeluaran beras sebagai makanan asasi) dan penghakupayaan industri pertanian perlu dipertingkatkan. Ia tidak boleh dikesampingkan kerana pertanian merupakan 'talian hayat' kepada kestabilan ekonomi sekaligus menjamin bekalan makanan yang mencukupi untuk keperluan domestik negara.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Penyelidikan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah (*LAnDS*), Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia atas input perbincangan bagi menjayakan penulisan artikel ini.

RUJUKAN

1. Asmak Ab Rahman (2009). Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah. *Jurnal Syariah*. Vol. 17, No. 2 (2009) 299-326.
2. Bell, K.C. (2009). Land Governance and Land Administration: Trends in Land Administration and Management with Particular Reference to World Bank support for projects in the East Asia region. In: 7th FIG Regional Conference, Hanoi, Vietnam, 19-22 October 2009.
3. Bennet, R., Rajabifard, A., Williamson, I., Wallace, J. (2012). On the need for national land administration infrastructure. *Land Use Policy* 29 (1), 208-219.
4. Carvalho, F.A. (2006). Monitoring Environmental Impact of Land Use: Evaluating an Agricultural Area of Distrito Federal, Brazil. *International Archives of Photogrammetry, Remote Sensing, and Spatial Information Sciences* Vol. XXXVI Part 2.
5. Dale, P., McLaughlin, J. (1999). *Land Administration*. Oxford University Press.
6. De Soto, H. (2003). *The Mystery of Capital: Why Capitalism Triumphs in the West and Fails Everywhere Else*. Basic Books, New York.
7. Deininger, K.W. (2003). *Land Policies Growth and Poverty Reduction*. World Bank, Oxford University Press. United States.
8. Dekker, H., (2006). *In Pursuit of Land Tenure Security*. Amsterdam. University Press, Amsterdam, The Netherlands.
9. Enemark, S., McLaren, R., Van der Molen, P. (2010). Land Governance in support of the millennium development goals: a new agenda for land professionals. In: XXIV FIG International Congress 2010: Facing the Challenges: Building the Capacity, 11-16 April 2010. Sydney, Australia.
10. FAO (1996). World Food Summit: 1996, Rome, Italy: Synthesis of the Technical Background Documents. Food and Agriculture Organization of United Nation.
11. FAO (2013). FAO Statistical Yearbook 2013: World food and Agriculture. Food and Agriculture Organization of the United Nations. Rome Italy.
12. IFPRI (2013). 2013 *Global Hunger Index: The Challenge of Hunger: Building Resilience to achieve food and nutrition security*. International Food Policy Research Institute, Washington, United States.
13. IOB (2011). Improving food security: A Systematic review of the impact of intervention in agricultural productio, value chains, market regulation and land security. IOB Study No.363. Ministry of Foreign Affairs of the Netherlands. The Hague, Netherlands.
14. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965).
15. Manual Kanun Tanah Negara 1965. JKPTG. Putrajaya, Malaysia.
16. Maxwell, D.G. (1995). *Alternative food security strategy: A Household analysis of urban agriculture in Kampala*. World Development 23(10). 1669-1681.

17. Meinzen, D., R.S., Kameri-Mbote, P., Markelova, H. (2007). Property rights for poverty reduction, 2020 vision briefs BB21 Special Edition. International Food Policy Research Institute (IFPRI), Washington D.C., United States.
18. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (2015). *Permohonan Ubah Kategori Penggunaan Tanah*. <http://spu.penang.gov.my/diakses> pada 11/6/2015.
19. Rockson, G., Bennett, R., & Groenendijk, L. (2012). Land Use Policy Land administration for food security: Selected results from a synthesis. FIG Working Week 2012: Knowing to Manage the Territory, Protect the Environment, Evaluate the Cultural Heritage. Rome, Italy, 6- 10 May 2012.
20. Turner, B. L., Meyer, W. B., & Skole, D. L. (1994). Global land- use/land-cover change: towards an integrated study. *AMBIO- STOCKHOLM-*, 23, 91- 91.
21. Williamson, I., Enemark, S., Wallace, J., Rajabifard, A. (2010). *Land Administration for sustainable development*. ESRI Presss Academic. Copenhagen, Denmark.

[Halaman ini dibiarkan kosong]

PENGGUNAAN APLIKASI SISTEM PENENTUAN TANAH UNTUK KESESUAIAN KAWASAN PENEMPATAN PASCA BENCANA TSUNAMI DI BANDA ACEH, INDONESIA

MUHAMMAD RUSDI^{1& 2}, RUHIZAL ROOSLI², MOHD SANUSI S. AHAMAD³

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji literatur mengenai kaedah penentuan tanah antarabangsa yang digunakan dan diadaptasi. Fokus perbincangan tertumpu kepada kaedah penentuan tanah terutama penempatan semula di kawasan berisiko bencana. Aceh merupakan kawasan terdedah bencana tsunami terbesar sehingga memerlukan perancangan penempatan berterusan yang mapan bagi keperluan semasa tanpa menjaskankan kemampuan generasi akan datang. Kaedah FAO didapati paling sesuai untuk digunakan di Banda Aceh. Bagi memastikan keberkesanannya, kaedah tersebut perlu dikenal pasti dan disusun mengikut parameter dan kriteria yang khusus. Hal ini penting untuk memastikan hubungan di antara penempatan semula dan pembolehubah yang diukur mampu menjadi kawasan yang terhindar atau tidak berisiko bencana. Hasil ini dapat digunakan untuk mengembangkan kriteria dan kaedah penentuan tanah di Aceh untuk digunakan di tempat lain.

ABSTRACT

This article reviews the literature on soil evaluation methods which have been used and adapted. The discussion is focused on the method of land evaluation especially the resettlement in disaster-prone areas. Aceh is the largest tsunami disaster prone areas and require constant deployment plans to cater for the present needs without compromising the ability of future generations. It is observed that the FAO method was the most appropriate method to be used in Banda Aceh. In order to ensure its effectiveness, the method should be identified and sorted according to specific parameters and criterias. This is important to ensure the correlation between relocation and variables measured, so that the area is capable of being safe from disasters. The results can be used to enhance the criteria and methods of evaluation of land in Aceh to be made applicable elsewhere.

¹ Bahagian Tanah, Fakulti Pertanian, Universitas Syiah Kuala, Aceh, Indonesia.

² Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan, Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang.

³ Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal, Pulau Pinang.

I. PENDAHULUAN

Perumahan merupakan tempat tinggal bagi sejumlah penduduk dan melakukan kegiatan sehari-hari. Depkes (1992, 1999) membezakan di antara perumahan dan kawasan penempatan. Perumahan berfungsi sebagai tempat tinggal atau persekitaran hunian yang dilengkapi dengan sarana dan prasarana. Manakala kawasan penempatan adalah bahagian daripada persekitaran sosial sama ada kawasan bandar mahupun luar bandar. Ia berfungsi sebagai persekitaran tempat tinggal yang menyokong aktiviti sosial. Berbeza dengan Kuswartojo dan Suparti (1997); Kuswartojo (2007) melihat perumahan dan kawasan penempatan sebagai satu kesatuan. Pada mereka, perumahan atau kumpulan tempat tinggal sebagai sarana fizikal, manakala penempatan merupakan perpaduan di antara sarana dengan manusia yang hidup bersosial. Kawasan penempatan memerlukan sebidang tanah, yang permintaannya sering meningkat terutamanya untuk perumahan. Menurut Bracken (2008), keperluan tanah yang semakin meningkat akan menyebabkan permintaan lebih tinggi daripada bekalan (*supply*). Pembangunan kawasan penempatan di wilayah yang tidak sesuai akan membahayakan persekitaran sekitarnya mahupun jiwa manusia sebagai penghuni kawasan tersebut. Memandangkan pembangunan tanah khususnya penempatan semakin meningkat dan kompleks, maka konsep penentuan tanah sedia ada perlu disemak dan dikemas kini.

II. KAEDAH DAN BAHAN

Sebahagian besar data bagi kajian ini diperoleh daripada laporan, hasil akademik, serta penelitian pelbagai kaedah penentuan tanah. Di samping itu, kajian literatur turut dijalankan untuk mendapatkan parameter dan pembolehubah yang sesuai untuk kaedah penentuan tanah yang dipilih.

III. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Beberapa sistem penentuan tanah dibangunkan dengan menggunakan pelbagai pendekatan, antaranya sistem perkalian parameter, penjumlahan dan sistem padanan atau memadankan antara kualiti dan sifat-sifat tanah dengan kriteria kesesuaian tanah. Berbagai sistem penentuan tanah tersebut pernah digunakan ataupun masih dikembangkan di pelbagai tempat. Puslitananak (1993),(2004); Berhane (2000); Hardjowigeno dan Widiatmaka (2007); Balittanah dan ICRAF (2007); Costanza et al. (2009); Arsyad (2010) merekodkan pelbagai sistem penentuan tersebut, antaranya:

A. Sistem Penentuan Tanah

(i) Land Capability USDA

Sistem ini diperkenalkan oleh Klingebiel dan Montgomery (1961) yang diterbitkan dalam Agricultural Handbook No. 210. Mereka mendapat ilham daripada tulisan Hockensmith dan Steele (1943) berjudul “*classifying land for conservation farming system*” yang diterbitkan dalam Farmer Bulletin No.1583 USDA. Pengelasan kemampuan tanah ini adalah berdasarkan sifat fizikal tanah secara morfologi yang dapat diamati di lapangan. Sistem ini dapat dibahagikan ke dalam kelas, subkelas, dan unit.

a. Kelas

Dalam peringkat kelas, kemampuan tanah menunjukkan kesamaan faktor-faktor pembatas atau penghambat (*limitation factor*). Tanah dibahagikan kepada kelas I - VIII: semakin tinggi kelas, maka pembatasnya semakin buruk. Keadaan ini bermaksud bahawa risiko kerosakan adalah tinggi dan pilihan penggunaan tanah semakin terhad. **Rajah 1** menunjukkan bahawa tanah kelas I - IV sesuai untuk pertanian, sedangkan tanah kelas V - VIII tidak sesuai untuk pertanian atau memerlukan biaya yang sangat tinggi untuk pengusahaannya. Huraian secara terperinci kelas dan faktor pembatas ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Kelas kemampuan tanah		Kebolehlaksanaan dan penggunaan tanah yang semakin meningkat →								
		Hutan simpan	Hutan	Pengembalaan			Pertanian			
Hambatan meningkat dan pilihan penggunaan tanah berkurang →	I			Ter-batas	Seder-hana	Inten-sif	Ter-batas	Seder-hana	Inten-sif	Sangat intensif
	II									
	III									
	IV									
	V									
	VI									
	VII									
	VIII									

Rajah 1: Hubungan kelas kemampuan tanah dan penggunaan tanah.

Sumber: Ubah suai dari Hardjowigeno dan Widiatmaka (2007).

Jadual 1: Huraian faktor pembatas pada kelas.

Kelas	Huraian	Pembatas
I (1)	Tanah sesuai untuk pertanian	Tiada
II (2)	Tanah memiliki keterbatasan yang sederhana yang mengurangkan pilihan tanaman atau memerlukan praktis pemuliharaan yang sederhana	Cerun melandai, ancaman hakisan yang sederhana, kedalaman tanah kurang ideal, struktur tanah kurang baik, adakalanya banjir, saliran buruk, faktor iklim turut mempengaruhi.
III (3)	Tanah memiliki keterbatasan yang besar, yang mengurangkan pilihan tanaman atau memerlukan praktis pemuliharaan khusus, atau kedua-duanya	Cerun agak curam, ancaman hakisan agak tinggi, sering bergenang air, kebolehserapan sangat lambat, lapisan tanah nipis, daya menahan air rendah, kesuburan tanah rendah, saliniti atau kandungan natrium sederhana, pembatas iklim sederhana.
IV (4)	Tanah memiliki keterbatasan yang sangat besar, yang membatasi pilihan tanaman atau memerlukan pengurusan secara terancang, atau kedua-duanya	Cerun curam, ancaman hakisan besar, hakisan yang pernah terjadi adalah teruk, lapisan tanah nipis, kuasa menahan air rendah, sering bergenang air, saliran terhambat, saliniti atau kandungan natrium agak tinggi, pembatas iklim sederhana.
V (5)	Tanah memiliki sedikit atau tiada bahaya hakisan, tetapi ada keterbatasan lain yang sukar diatasi, yang membatasi penggunaan utama seperti padang rumput, hutan.	Saliran yang sangat buruk atau terbatas, sering berlaku banjir, berbatu-batan, pembatas iklim cukup besar.
VI (6)	Tanah memiliki keterbatasan yang sangat besar. Tidak sesuai untuk penggunaan utama seperti padang rumput, hutan.	Cerun sangat curam, bahaya hakisan, hakisan yang pernah terjadi adalah teruk, berbatu-batan, lapisan tanah nipis, saliran sangat buruk atau bergenang, kuasa menahan air rendah, saliniti atau kandungan natrium tinggi, pembatas iklim besar.

Kelas	Huraian	Pembatas
VII (7)	Tanah memiliki keterbatasan yang sangat besar. Tidak sesuai untuk penggunaan utama seperti padang rumput, hutan.	Cerun sangat curam, hakisan sangat teruk, tanah nipis, berbatu-batu, saliran terhambat, saliniti atau kandungan natrium sangat tinggi, iklim sangat menghambat.
VIII (8)	Tanah memiliki keterbatasan untuk tanaman komersil/ perniagaan. Penggunaan utama seperti rekreasi dan bekalan air.	Lapisan sangat curam atau bahaya, hakisan yang sangat teruk, iklim sangat buruk, tanah selalu bergenang, berbatu-batan, kapasiti menahan air sangat rendah, saliniti atau kandungan natrium sangat tinggi.

Sumber: Hardjowigeno dan Widiatmaka (2007).

b. Subkelas

Subkelas adalah pembahagian kelas berdasarkan jenis faktor penghambat yang sama. Faktor-faktor tersebut boleh dikumpulkan ke dalam beberapa jenis, iaitu: bahaya hakisan (e), takungan air (w), penghambat terhadap akar tanaman (s), dan iklim (c). Huraian secara terperinci subkelas ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

Faktor penghambat ditulis di belakang nombor kelas seperti berikut: IIIe, IIw, IVc, dan sebagainya, yang masing-masing menyatakan tanah kelas III yang disebabkan oleh faktor hakisan (e), tanah kelas II yang disebabkan oleh faktor air (w) dan tanah kelas IV yang disebabkan oleh hambatan akar tanaman (s).

Jadual 2: Huraian faktor penghambat pada subkelas.

Subkelas	Huraian
Hakisan (E)	Hakisan menjadi masalah utama. Ancamannya dan hakisan yang telah terjadi merupakan petunjuk untuk penempatan dalam subkelas ini.
Kelebihan Air (W)	Kelebihan air merupakan faktor penghambat utama. Saliran yang buruk, air tanah yang cetek, dan bahaya banjir merupakan faktor-faktor yang menjadi penentuan subkelas ini.
Penghambat Terhadap Akar Tanaman (S)	Lapisan tanah yang nipis, banyak batu-batan, kuasa memegang air yang rendah, kesuburan rendah yang sukar diperbaiki, saliniti dan natrium yang tinggi.

Subkelas	Huraian
Iklim (C)	Tanah dengan iklim (suhu dan taburan hujan) yang menjadi penghambat utama.

Sumber: Arsyad (2010).

c. Unit

Kemampuan tanah dalam peringkat unit memberi keterangan yang lebih khusus dan terperinci daripada subkelas. Tanah yang termasuk dalam suatu unit mempunyai kemampuan dan memerlukan cara pengurusan yang sama untuk pertumbuhan tanaman. Tanah ini mempunyai sifat yang sama dalam hal: (1) kemampuan menghasilkan tanaman pertanian dan rumput makanan ternakan, (2) memerlukan tindakan pemuliharaan dan pengurusan yang sama, (3) tanaman yang ditanam dengan pengurusan yang sama akan memberi hasil yang sama (perbezaan purata pengeluaran tidak melebihi 25 peratus). Penulisan unit diberi simbol dengan menambah nombor Arab di belakang simbol subkelas. Angka menunjukkan besarnya faktor penghambat yang ditunjukkan dalam subkelas, misalnya Ilw-1, Ille-3, IVS-3 dan sebagainya.

Penyempurnaan kaedah ini terus dilakukan, dan kini dikenali sebagai LESA (Land Evaluation and Site Assessment). Sistem LESA direka untuk menentukan kedudukan tanah bagi kelangsungan ekonomi. Ia juga memudahkan keputusan dibuat oleh para perancang negeri dan tempatan, pemilik tanah, pemaju, dan pegawai kerajaan (USDA & NRCS, 1983). Selanjutnya badan kerajaan di USA menggunakan LESA untuk keperluan yang berikut:

- Menilai kesan projek yang dicadangkan pada tanah pertanian;
- Menilai cukai pada tanah pertanian;
- Penentuan zon kawasan pertanian;
- Mengatur zon kawasan;
- Dasar pemberian izin zon atau perubahan zon;
- Dasar perancangan; saliran dan pengairan serta pengangkutan; dan
- Aplikasi bagi program pemuliharaan pertanian.

(ii) Inventori Tanah Kanada

Penentuan tanah di Kanada dimulakan oleh Canada Land Inventory (CLI) pada tahun 1963 (Davidson, 1980, 1992). Kaedah ini direka untuk penentuan sumber dalam perancangan penggunaan tanah secara menyeluruh daripada kemampuan tanah dan penggunaan tanah pada skala luas. Sistem ini hampir sama dengan kemampuan tanah USDA, yang berbeza hanyalah dari segi jumlah kelas. Sistem penentuan tanah ini mempunyai tujuh kelas tanah

mineral, dan satu kelas tanah organik. Secara terperinci, sistem CLI ditampilkan pada **Jadual 3**. CLI ini terus dikembangkan, terutama dipadusersaskan dengan sistem komputer yang berasaskan ruang (*spatial*). Inilah kemudiannya menghasilkan sistem maklumat geografi yang dikenali sekarang sebagai GIS. Prahasta (2009) dan URISA (2013) mengatakan bahawa Kanada merupakan negara pertama yang menghasilkan Sistem Maklumat Geografi, yang dikenali dengan Canada Geographic Information System (CGIS) pada akhir tahun 60-an.

Jadual 3: Kelas penentuan tanah model CLI.

Kelas	Huraian
1	Tanah tanpa batasan digunakan untuk tanaman.
2	Tanah memiliki keterbatasan sederhana yang membatasi pelbagai tanaman atau memerlukan praktis pemuliharaan yang sederhana.
3	Tanah dengan keterbatasan yang sangat tinggi, yang membatasi pelbagai tanaman atau memerlukan praktis pemuliharaan yang khusus.
4	Tanah dengan keterbatasan yang membatasi pelbagai tanaman atau memerlukan praktis pemuliharaan yang khusus atau kedua-duanya.
5	Tanah memiliki keterbatasan yang sangat tinggi, yang membatasi kemampuan menghasilkan tanaman dan amalan pemberian yang bersesuaian.
6	Tanah yang mampu menghasilkan tanaman hijauan dan amalan pemberian tidak sesuai.
7	Tanah tidak memiliki kemampuan untuk ditanam atau ladang rumput.
0	Tanah organik.

Sumber: Ubah suai dari Berhane (2000).

(iii) Sistem Kemampuan Tanah Britain

Sistem ini juga dikenali sebagai The Land Capability for Agriculture System (LCA). LCA dibina di England dan diterapkan di Scotland. Ia merangkumi tujuh kelas dengan beberapa subbahagian, berdasarkan sifat/ciri tanah, topografi dan iklim. Sistem LCA banyak terfokus pada komponen pengelasan iklim, iaitu suhu dan kelembapan (Berhane, 2000; Hudson & Birnie, 2000). Pembahagian kelas ditunjukkan di dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: Kelas penentuan tanah model LCA.

Kelas	Katagori	Huraian
1	Utama	Tanah mampu mengeluarkan hasil dalam jangka waktu yang sangat panjang termasuk sayur-

Kelas	Katagori	Huraian
		sayuran musim dingin. Hasil yang tinggi secara konsisten.
2	Utama	Tanah mampu menghasilkan pelbagai jenis tanaman, tetapi tidak sesuai untuk tanaman musim dingin.
3 ₁	Utama	Tanah memiliki keterbatasan sederhana yang membatasi pelbagai tanaman. Hasil pengeluaran secara konsisten masih tinggi namun terbatas untuk tanaman tertentu.
3 ₂	Bukan utama	Tanah memiliki keterbatasan sederhana yang membatasi pelbagai tanaman. Hasil pengeluaran secara purata masih tinggi. Terbatas pada gandum dan rumput.
4 ₁	Bukan utama	Tanah membatasi pelbagai tanaman (sedikit yang boleh tumbuh), produksi tertinggi hanya daripada rumput. Terdapat beberapa faktor pembatas.
4 ₂	Bukan utama	Tanah membatasi pelbagai tanaman (sedikit yang boleh tumbuh), hasil yang tinggi hanya daripada rumput. Terdapat banyak faktor pembatas
5	Bukan utama	Tanah digunakan sebagai padang rumput.
6	Bukan utama	Sangat dibatasi oleh iklim.
7	Bukan utama	Tanah sangat terbatas untuk pertanian.

Sumber: Ubah suai dari Hudson dan Birnie (2000).

(iv) Sistem Penentuan Tanah Belanda


Sistem penentuan tanah ini diaplikasikan di Belanda. Dalam sistem ini, kelas dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kegiatan pertanian dan padang rumput (Berhane, 2000), sebagaimana yang tertera dalam **Jadual 5**. Sistem ini terus dibina dan dikembangkan, selama tiga puluh tahun. Versi ketiga sistem ini diperkenalkan dengan nama prosedur penentuan tanah Interpretation of Soil Maps (WIB-C) yang diterbitkan oleh Dutch Working Group (Sonneveld et al., 2010). Sistem WIB-C dibangunkan untuk perancangan daerah dengan pendekatan fizikal kualitatif. Prosedur tahapan sistem ini mengikut diagram aliran seperti pada **Rajah 2**. Daripada rajah tersebut didapati bahawa pendekatan ini mempunyai persamaan dengan penentuan tanah FAO.

Jadual 5: Kelas penentuan tanah Belanda.

Kelas	Huraian
Utama kelas BG	Tanah pertanian dan padang rumput. Kelas dibahagi kepada tujuh kelas (BG1 - BG7).

Kelas	Huraian
Utama kelas GB	Tanah padang rumput dan pertanian. Kelas dibahagi kepada tiga kelas (GB1-GB3).
Kelas utama B	Tanah pertanian. Kelas dibahagi kepada tiga kelas (B1 hingga B3).
Utama kelas G	Tanah padang rumput. Kelas dibahagi kepada lima kelas (G1 hingga G5).
Kelas utama 0	Tanah tidak sesuai. Kelas dibahagi kepada dua kelas (01 dan 02). Tanah terlalu kering atau terlalu basah.

Sumber: Ubah suai dari Berhane (2000).



Rajah 2: Pendekatan dengan prosedur WIB-C menggunakan kaedah FAO.

Sumber: Ubah suai dari Berhane (2000).

(v) Kesesuaian tanah FAO

Kaedah kesesuaian tanah *the Food and Agriculture Organization* (FAO), selanjutnya dikenali sistem kesesuaian tanah FAO (FAO, 1976, 1985, 1990, 2007). Sistem ini diperkenalkan pada tahun 1976, yang diterbitkan dalam FAO Soils Bulletin No. 32 berjudul “A framework for land evaluation”. Kesesuaian tanah FAO boleh digunakan untuk klasifikasi kuantitatif mahupun kualitatif, bergantung kepada data yang tersedia. Data tersebut berupa ciri-ciri tanah (*land characteristic*). Kerangka sistem pengelasan kesesuaian tanah ini mengenal pasti 4 (empat) kategori, seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 6**.

Jadual 6: Katagori dalam penentuan tanah FAO.

Katagori	Huraian
Ordo	Menunjukkan sama ada sesuatu tanah sesuai atau tidak bagi penggunaan tertentu.
Kelas	Menunjukkan tahap kesesuaian tanah.
Subkelas	Menunjukkan jenis pembatas atau pemberian yang harus dijalankan dalam setiap kelas.
Unit	Menunjukkan perbezaan faktor penghambat yang berpengaruh dalam pengusahaan subkelas.

Sumber: Ubah suai daripada FAO (1976).

a. Kesesuaian Tanah pada Tahap Ordo

Pada peringkat ordo, ditunjukkan sama ada sesuatu tanah itu sesuai atau tidak untuk kegunaan tertentu. Secara terperinci pembahagian ordo, seperti yang berikut:

- **Ordo S (sesuai)**
Tanah yang boleh digunakan dalam tempoh yang tidak terhad bagi tujuan yang telah dipertimbangkan. Keuntungan daripada hasil pengusahaan tanah itu memuaskan setelah dikira dengan input yang diberikan, tanpa atau sedikit risiko kerosakan terhadap sumber tanahnya.
- **Ordo N (tidak sesuai)**
Tanah yang mempunyai banyak faktor penghambat, sehingga menghalang penggunaannya bagi sesuatu tujuan yang telah dirancang. Tanah boleh digolongkan sebagai tidak sesuai untuk digunakan bagi usaha pertanian kerana pelbagai penghambat, baik secara fizikal (lereng yang sangat curam, berbatu-batan, dan sebagainya) atau secara ekonomi (keuntungan yang didapati lebih kecil daripada kos yang dikeluarkan).

b. Kesesuaian Tanah pada Tahap Kelas

Kelas kesesuaian tanah adalah pembahagian ordo yang seterusnya, dan menunjukkan tahap kesesuaian daripada ordo tersebut. Kelas diberi nombor urutan yang ditulis di belakang simbol ordo. Nombor ini menunjukkan tahap kelas yang semakin buruk apabila semakin tinggi nombornya. Banyaknya kelas dalam setiap ordo sebenarnya tidak terhad. Namun dianjurkan hanya tiga hingga lima kelas dalam ordo S dan dua kelas dalam ordo N. Bilangan kelas tersebut perlu berdasarkan keperluan minimum bagi mencapai tujuan tafsiran. Jika tiga kelas digunakan dalam ordo S, dan dua kelas dalam ordo N, maka pembahagian dan definisinya secara kualitatif seperti dalam **Jadual 7**.

Jadual 7: Pembahagian kelas pada tahap ordo.

Kelas	Huraian
S1	Sangat sesuai (<i>highly suitable</i>). Tanah tidak mempunyai pembatas yang besar untuk pengusahaannya, atau hanya mempunyai pembatas yang tidak secara nyata berpengaruh terhadap hasil dan tidak akan menaikkan input yang biasa diberikan.
S2	Cukup sesuai (<i>moderately suitable</i>). Tanah mempunyai pembatas yang agak besar untuk mempertahankan tahap pengusahaan yang harus diterapkan. Pembatas akan mengurangkan hasil atau keuntungan dan meningkatkan input yang diperlukan.
S3	Sesuai (<i>marginally suitable</i>). Tanah mempunyai pembatas yang besar untuk mempertahankan tahap pengusahaan yang harus diterapkan. Pembatas akan mengurangkan produksi dan keuntungan atau lebih meningkatkan input yang diperlukan.
N1	Tidak sesuai pada saat ini (<i>currently not suitable</i>). Tanah mempunyai pembatas yang lebih besar, masih boleh diatasi. Keadaan pembatas sedemikian besarnya, sehingga mencegah penggunaan tanah yang lestari dalam jangka panjang.
N2	Tidak sesuai buat selama-lamanya (<i>permanently not suitable</i>). Tanah mempunyai pembatas permanen yang mencegah segala kemungkinan penggunaan tanah yang lestari dalam jangka panjang.

Sumber: Ubah suai dari Rustiadi, Saefulhakim dan Panuju (2009).


c. Kesesuaian Tanah pada Tahap Sub-kelas

Kesesuaian tanah pada peringkat subkelas mencerminkan jenis sekatan atau pemberian yang diperlukan dalam kelas-kelas tersebut. Setiap kelas boleh terdiri daripada satu atau lebih subkelas, bergantung pada jenis sekatan yang ada. Jenis sekatan ini ditunjukkan dengan simbol huruf kecil selepas simbol kelas. Misalnya kelas S2, yang mempunyai sekatan kedalaman tanah (s) boleh menjadi subkelas S2s. Setiap subkelas juga boleh mempunyai satu, dua, atau paling banyak tiga simbol sekatan, dan sekatan yang paling dominan ditulis paling depan. Misalnya, dalam subkelas S2ts, sekatan keadaan topografi (t) adalah sekatan yang paling dominan dan sekatan kedalaman tanah (s) adalah sekatan kedua atau tambahan.

d. Kesesuaian Tanah pada Tahap Unit

Kesesuaian tanah pada peringkat unit merupakan pembahagian subkelas berdasarkan besarnya faktor sekatan. Semua unit yang berada dalam subkelas mempunyai tahap kesesuaian yang sama dalam kelas dan mempunyai jenis sekatan yang sama pada peringkat subkelas. Setiap unit berbeza di antara satu sama lain. Hal ini disebabkan kemampuan pengeluaran atau

dalam aspek tambahan dari segi pengurusan yang diperlukan dan sering merupakan perbezaan terperinci daripada sekatan pembatasnya. Diketahui bahawa sekatan secara terperinci memudahkan tafsiran dalam mengurus sesuatu rancangan. Pada peringkat unit, simbol diberi dengan penambahan nombor Arab yang dipisahkan oleh jalur dari simbol subkelas. Misalnya, S2e-1, S3e-2 dan sebagainya. Jumlah unit dalam setiap subkelas adalah tidak terhad. Contoh penamaan dari ordo hingga unit ditunjukkan di dalam **Rajah 3** yang berikut:



Rajah 3: Contoh penamaan dari ordo hingga unit.

Sumber: Ubah suai dari Hardjowigeno dan Widiatmaka (2007).

Dalam sistem FAO, ditemui istilah kesesuaian bersyarat atau *conditionally suitable* (CS). Ia biasanya digunakan di kawasan yang sempit dan mungkin tidak sesuai atau kurang sesuai untuk kegunaan tanah pada peringkat pengurusan tanah yang telah ditentukan. Namun demikian, tanah ini dapat digunakan setelah dibaiki. Kesesuaian bersyarat (CS) merupakan fasa daripada ordo sesuai (S). Fasa ini menunjukkan bahawa tanah tersebut akan sesuai setelah syarat-syarat yang diperlukan itu dipenuhi. Sebagai contoh, fasa yang harus diperbaiki adalah saliran yang buruk atau tanah yang mempunyai masalah saliniti. Simbol CS2g menunjukkan bahawa apabila keperluan pembaikan penghambat saliniti (g) dapat dipenuhi, maka tanah tersebut tergolong dalam S2. Pembahagian ke peringkat unit tidak diperlukan kerana luas tanah yang kecil atau sempit. Penggunaan fasa Kesesuaian Bersyarat seboleh mungkin dilakukan, dan jika terpaksa digunakan, maka tiga ciri berikut perlu dipenuhi:

- Tanpa pembaikan syarat yang diperlukan, tanah tergolong tidak sesuai atau kelas sesuai yang paling rendah; dan
- Apabila syarat telah dipenuhi (melalui pembaikan tanah), kelas kesesuaian tanah meningkat sekurang-kurangnya dua kelas; dan
- Keluasannya sangat kecil berbanding dengan luas daerah tinjauan.

e. Kesesuaian Tanah Sebenar (*actual*) dan yang berpotensi (*potential*)

